

**KAJIAN TERHADAP PROSES PEMBUATAN  
ALAT MUZIK SERUNAI WAYANG KULIT DI  
KELANTAN**

FYP FTKW

**UBAIDILLAH BIN ABDULLAH**

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN**

**2024**



FYP FTKW

**KAJIAN TERHADAP PROSES PEMBUATAN  
ALAT MUZIK SERUNAI WAYANG KULIT DI  
KELANTAN**

Oleh

**UBAIDILLAH BIN ABDULLAH**

**C20A1486**

Projek penyelidikan ini diserahkan untuk memenuhi  
keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan  
Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
2023

## Penghargaan

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT dengan limpah dan kurnianya telah memberikan kekuatan kepada saya bagi menyiapkan penulisan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya Encik Aswawi Bin Isa di atas segala bimbingan, nasihat, teguran, dan dorongan sepanjang proses penyediaan tesis. Terima kasih yang tidak terhingga kerana sudi menyelia penulisan tesis ini sehingga siap.

Dengan hati yang terbuka, saya ingin memberikan penghargaan kepada Mohammad Tarmizi Bin Rahim, atas pengetahuan dan kemahiran yang luar biasa telah menciptakan alat muzik yang menakjubkan.

Penyelenggaraan dan proses penulisan tesis ini membuatkan saya terhutang budi kepada ramai individu. Dalam proses ini juga, saya mengenali insan-insan mulia yang sudi membantu dan bersusah senang dengan saya. Ribuan terima kasih diucapkan kepada keluarga saya yang sentiasa menyokong dan memahami diri saya. Tidak dilupakan kepada semua individu dan rakan yang terlibat membantu secara langsung atau tidak langsung. Jasa dan budi kalian tidak akan saya lupakan hingga ke akhir hayat dan tidak akan dapat terbalas.

**Isi Kandungan**

<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>ISI KANDUNGAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>HALAMAN</b>
1.0 Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1 – 5
1.2 Penyataan Masalah	6 – 8
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Skop Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	12 – 13
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	
2.0 Sorotan Kajian Lepas	14 – 20
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	21
3.1 Metodologi Kajian	22
3.2 Kesimpulan	23

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	24
4.1 Maklumat Informan	24
4.2 Mengenalpasti Proses Dan Peralatan Yang Digunakan Dalam Pembuatan Serunai	25 – 38
4.3 Mengkaji Teknik Bermain Serunai	39 – 48
4.4 Mengenalpasti Simbolik Dan Kepercayaan Dalam Serunai	49 – 61

**BAB 5 KESIMPULAN**

5.0 Pengenalan	
5.1 Rumusan	
5.2 Isu dan Perbincangan	62 – 71
5.3 Cadangan	
5.4 Kesimpulan	

**BIBLIOGRAFI**

72

**LAMPIRAN**

KAJIAN TERHADAP PROSES PEMBUATAN ALAT MUZIK SERUNAI  
WAYANG KULIT DI KELANTAN

## ABSTRAK

Malaysia mempunyai pelbagai jenis alat muzik dalam kategori aerofon. Aerofon adalah jenis alat muzik yang bunyinya dihasilkan daripada getaran udara yang terdapat di dalam suatu alat muzik sebagai contoh serunai, seruling, seksofon, harmonika, dan lain-lain. Serunai adalah alat muzik yang dikategorikan dalam alat muzik tradisional Melayu yang digunakan dalam persembahan silat, main puteri dan wayang kulit. Kajian ini membincangkan tentang mengenal pasti proses dan peralatan yang digunakan dalam pembuatan serunai, mengkaji teknik bermain serunai dan menjelaskan simbolik dan kepercayaan tentang serunai. Hasil kajian ini dapat memberi ilmu pengetahuan dan menarik minat terhadap alat muzik tradisional serunai Kelantan

**Kata kunci :** serunai , budaya, tradisional , sejarah

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 PENGENALAN

Untuk menerokai keunikan dan keistimewaan serunai sebagai alat tiupan tradisional, penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji proses dan bahan pembuatan serunai, teknik bermain serunai serta simbolik dan kepercayaan terhadap serunai. Penyelidikan ini jugak meliputi aspek sejarah, teknik pembuatan dan peranan serunai dalam budaya tempatan. Selain itu, penyelidikan ini jugak bertujuan untuk mendalami pengetahuan tentang warisan muzik tradisional serunai dengan kaedah menganalisis sejarah etnomuzikologi dan budaya tempatan. Penyelidikan ini akan memberi pandangan baru tentang kepentingan serunai sebagai identiti budaya masyarakat tempatan.

#### DEFINISI SENI PERSEMBAHAN

Seni persembahan Melayu tradisional merupakan cerminan kekayaan budaya yang dipelihara dan diwarisi turun-temurun. Terdapat pelbagai seni persembahan yang wujud di negara kita ini antaranya seni tari, teater dan vokal, seni persembahan moden dan seni persemmahan tradisional. Seni persembahan ini bukan sekadar hiburan semata-mata tetapi juga mencerminkan identiti dan keindahan warisan Melayu. Satu dari aspek utama seni persembahan Melayu adalah tarian tradisional. Tarian tradisional menampilkan pelbagai jenis gerakan yang lembut dan elegan. Selain itu, tarian Melayu jugak memberi pencerahan kepada penonton tentang cerita, mitos, dan kehidupan harian masyarakat Melayu. Busana warna-warni, hiasan, dan gerakan yang indah adalah perkara penting untuk menunjukkan keunikan dan keindahan tarian Melayu.

Teater tradisional Melayu seperti Mak Yong atau Wayang Kulit menggambarkan nilai budaya dan hiburan yang ada pada zaman dahulu. Pementasan Wayang Kulit ini melibatkan penceritaan oleh tok dalang dan irungan alat muzik tradisional seperti gedombak, gendang, canang, kesi, gong dan serunai. Teater tradisional Melayu bukan sahaja menghiburkan tetapi juga menyampaikan nilai-nilai moral dan cerita rakyat pada zaman dahulu. Seni vokal Melayu khususnya dalam bentuk nyanyian tradisional atau Dikir Barat dipersembahkan bertujuan menyampaikan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Irama yang merdu dan suara yang lembut menjadikan orang Melayu jugak istimewa dengan vokal seni.

## **DEFINISI ALAT MUZIK TRADISIONAL**

Alat muzik tradisional Melayu merupakan warisan budaya yang telah diciptakan oleh nenek moyang kita pada zaman dahulu. Alat muzik tradisional Melayu memainkan peranan penting dalam mengangkat identiti dan keindahan budaya di seluruh tanah Melayu.

Kepentingan alat muzik tradisional Melayu bukan sahaja terletak pada keindahan suara yang dihasilkan, tetapi juga pada nilai-nilai budaya masyarakat yang terkandung di dalamnya. Melalui penggunaan alat muzik tradisional dalam persembahan seperti wayang kulit, orang ramai akan mengenali pelbagai jenis alat muzik tradisional yang ada di tempat kita. Golongan yang akan datang akan mewarisi seni peralatan muzik tradisional ini jika minat dan semangat untuk menjaga warisan budaya tempatan masih wujud. Alat muzik tradisional ini memiliki keunikan dan kecemerlangan seni yang tak ternilai harganya, perkara ini dapat dilihat dengan hasil pembuatan alat muzik yang menggunakan bahan seperti kayu dan kulit haiwan membuatkan kaum Melayu lebih kreatif . Oleh hal yang demikian, alat muzik tradisional adalah identiti budaya Melayu

yang patut dibanggakan kerana menjadikan kaum Melayu kaya dengan seni persembahan muzik tradisional.

Rebana memainkan peranan penting dalam alat muzik Melayu kerana rebana merupakan alat muzik yang mempunyai pasangan sebagai contoh rebana ibu, rebana anak dan gendang besar, kecil. Rebana dan gendang ini sering dimainkan dalam persembahan tradisional secara berkumpulan. Rebana dan gendang mempunyai irama yang tersendiri dengan kekuatan bunyi apabila dipalu menaikkan semangat masyarakat dan rebana bukan sahaja mengiringi tarian dan nyanyian, tetapi juga memberikan tenaga dan semangat untuk pelbagai upacara dan perayaan. Serunai adalah alat muzik tiup yang memiliki suara yang merdu dan nyaring. Serunai sering digunakan dalam berbagai upacara tradisional Melayu seperti persembahan Wayang Kulit atau Mak Yong. Keunikan bunyi serunai dapat menarik perhatian orang ramai dan keindahan suara serunai mencerminkan keunikan muzik Melayu. Serunai juga sering dikaitkan dengan kesenian silat kerana menciptakan suasana yang meriah ketika persembahan berlangsung.

UNIVERSITI  
[redacted]  
MALAYSIA  
[redacted]  
KELANTAN

## DEFINISI SERUNAI

Serunai adalah sejenis alat muzik tradisional yang perlu ditiup untuk mengeluarkan bunyinya. Alat tiupan ini mempunyai pipit yang berlapis-lapis dan mempunyai pelidak sebanyak empat lapis yang diperbuat daripada daun lontar kering. Manakala, pemegang pipit pula adalah terdiri daripada tiub logam yang dipasang pada kemuncak badan serunai. Badan serunai diperbuat daripada kayu keras dalam bentuk kun dengan bahagian bawahnya berbentuk loceng. Badannya pula boleh dibahagikan kepada tiga bahagian dan badan serunai mempunyai tujuh lubang memetik alat muzik di belakang.

Di Kelantan terdapat pelbagai jenis serunai yang digunakan dalam persembahan sebagai contoh serunai digunakan dalam persembahan wayang kulit,dikir barat dan persembahan silat oleh itu serunai dicipta dengan pelbagai saiz agar dapat dimainkan bersesuaian dengan persembahan yang ingin dijalankan. Antara jenis serunai biasa dimainkan di Kelantan adalah serunai besar dan serunai kecil. Kedua – dua serunai ini dimainkan dalam persembahan yang berbeza sebagai contoh serunai besar kebiasanya dimainkan dalam persembahan silat kerana menghasilkan bunyi yang lebih kasar dan kuat manakala serunai kecil pulak dimainkan dalam persembahan wayang kulit kerana serunai kecil menghasilkan bunyi yang nyaring dan lembut. Setiap alat muzik dihasilkan dengan cara yang berbeza ada yang mudah dihasilkan dan ada alat muzik yang sukar untuk dihasilkan.

Berkenaan dengan proses pembuatan alat muzik serunai ini, kita dapat mengenal pasti bagaimana proses pembuatan alat muzik serunai dihasilkan. Untuk menghasilkan serunai yang berkualiti hendaklah menggunakan kayu yang bagus dan mesin yang berfungsi dengan baik maka akan menghasilkan serunai yang bagus. Dalam persembahan wayang kulit memerlukan pelbagai alat muzik dan setiap alat muzik mempunyai peranan tersendiri. Fungsi serunai dalam persembahan wayang kulit adalah mengiringi alat muzik lain ketika dimainkan. Selain itu, serunai juga berfungsi sebagai muzik iringan Tok Dalang ketika bercerita.



## 1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, pengkaji telah menyatakan beberapa pandangan berkaitan permasalahan kajian.

Antaranya:

### A) ILMU PEMBUATAN SERUNAI SEMAKIN PUPUS DAN PENINGKATAN HARGA BARANGAN

Pada pandangan saya, setiap proses yang dilakukan dalam menghasilkan serunai perlu dipelajari agar ilmu pembuatan alat muzik ini tidak pupus. Pada zaman sekarang, minat dalam mempelajari ilmu tradisional ini semakin berkurang tambahan lagi teknologi moden menjadi tarikan utama bagi golongan muda.

Pada zaman sekarang pelbagai sumber maklumat dan bahan bacaan telah disediakan malah lebih memudahkan lagi apabila teknologi semakin maju boleh membantu menyediakan pelbagai maklumat yang diperlukan. Namun ilmu pengetahuan tentang proses pembuatan alat muzik tradisional sukar didapatkan kerana kebanyakan penggiat seni yang bergiat dalam bidang pembuatan alat muzik ini kurang pendedahan tentang kemajuan teknologi.

Oleh itu, mempelajari proses pembuatan alat muzik secara langsung dengan penggiat seni sangat penting kerana melalui proses ini penggiat seni dapat mengajar dan memberi ilmu dengan lebih mudah. Selain itu, para penggiat seni yang bergiat dalam bidang pembuatan alat muzik tradisional ini boleh bergabung dalam satu kumpulan atau komuniti untuk memperkenalkan ilmu pembuatan alat muzik kepada generasi yang baru dengan lebih mudah dan dapat berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman.

Pada pandangan pengkaji peralatan yang digunakan dalam menghasilkan alat muzik ini semakin meningkat. Sebagai bukti, penghasilan sebuah serunai memerlukan beberapa peralatan. Contohnya, mesin larik, drill, dan lain-lain. Kebanyakan peralatan canggih menggunakan bahan-bahan yang mahal dan peningkatan harga sebuah peralatan meningkat secara berperingkat. Sebagai contoh pada zaman dahulu mesin larik boleh dibeli dengan harga RM800 namun sekarang harga mesin larik semakin mahal dan meningkat sehingga RM1500. Hal ini demikian berlaku kerana harga peralatan yang perlu digunakan dalam proses pembuatan alat muzik serunai ini meningkat maka harga untuk sebuah serunai jugak semakin meningkat.

#### **B) KEKURANGAN PENGGIAT SENI DALAM MENGAJAR CARA BERMAIN SERUNAI**

Serunai adalah alat muzik yang menggunakan udara untuk mengeluarkan bunyi. Selain serunai terdapat jugak alat muzik lain yang dikategorikan jugak dalam aerofon seperti seruling, rekorded dan sexofon. Setiap alat muzik yang mengeluarkan bunyi apabila ditiup mempunyai cara yang tersendiri sebagai contoh untuk meniup serunai tidak sama seperti meniup seruling. Hal ini kerana serunai perlu ditiup menggunakan pipit manakala seruling perlu ditiup pada lubang seruling. Teknik meniup serunai lebih sukar kerana udara yang ditiup tidak boleh berhenti manakala seruling boleh berhenti ini kerana serunai perlu dimainkan sepanjang lagu manakala seruling boleh berhenti mengikut rangkap lagu. Permasalah yang dihadapi dalam bermain serunai adalah teknik meniup dan sambung nafas.

### C) MASYARAKAT TIDAK MENGETAHUI TENTANG SIMBOLIK DAN KEPERCAYAAN SERUNAI

Pada pandangan saya, kurangnya pemahaman masyarakat tentang simbol dan kepercayaan boleh mewujudkan jurang yang mendalam dalam memahami warisan budaya dan tradisi. Serunai sebagai simbolik dan kepercayaan dalam sesebuah masyarakat mungkin mengandungi makna khusus yang tidak difahami sepenuhnya oleh masyarakat umum. Kepercayaan yang berkaitan dengan nilai agama atau falsafah yang dicerminkan dalam penggunaannya, mungkin hilang kerana kekurangan pemahaman. Oleh itu, usaha untuk memberi pencerahan kepada orang ramai agar dapat mengenali dan menghayati simbolik dan kepercayaan yang terdapat pada serunai, agar dapat dipelihara dan difahami dengan lebih teliti.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Pada bahagian ini pengkaji telah mengemukakan beberapa objektif dalam kajian ini bagi menjawab persoalan kajian.

OBJEKTIF 1: Mengenalpasti proses dan peralatan yang digunakan dalam pembuatan Serunai.

OBJEKTIF 2: Mengkaji teknik bermain Serunai.

OBJEKTIF 3: Mengenalpasti simbolik dan kepercayaan dalam Serunai.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Dalam bab ini pengkaji telah mengenal pasti beberapa persoalan kajian berkaitan tajuk kajian.

Antara persoalannya ialah:

**OBJEKTIF 1:** Mengenalpasti proses dan peralatan yang digunakan dalam pembuatan Serunai.

- a) Apakah proses-proses yang dilakukan untuk menghasilkan Serunai?
- b) Kekangan yang dihadapi semasa menghasilkan Serunai?
- c) Inisiatif yang diambil untuk mengatasi kekangan yang dihadapi?

**OBJEKTIF 2:** Mengkaji teknik bermain Serunai


- a) Apakah teknik yang digunakan untuk bermain Serunai?
- b) Bagaimana mengawal pernafasan, nada dan irama semasa meniup Serunai?
- c) Perbandingan teknik bermain Serunai?

**OBJEKTIF 3:** Mengenalpasti simbolik dan kepercayaan dalam Serunai.

- a) Apakah simbolik yang melambangkan Serunai di Kelantan?
- b) Bagaimanakah kepercayaan dalam serunai mampu mempengaruhi kehidupan masyarakat?
- c) Apakah kepercayaan serunai dalam seni persembahan tradisional?

#### 1.4 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Skop kajian pengkaji memfokuskan proses pembuatan serunai Wayang Kulit di Kelantan bermula dengan bahan dan peralatan yang digunakan kemudian proses pembuatan serunai dan ukiran serta corak yang digunakan. Oleh itu, pengkaji telah membuat kajian di kampung Pauh Lima, Bachok Kelantan.



Rajah 1.1 Peta Lokasi Kajian  
(KAMPUNG PAUH LIMA, BACHOK)

Setelah meneliti dan mencari tukang membuat alat muzik ini, saya telah memilih untuk membuat kajian saya di Kampung Pauh Lima, Bachok. Saya memilih tempat ini kerana di kampung ini terdapat seorang tukang yang bergiat dalam seni pembuatan alat muzik tradisional. Muhammad Tarmizi bin Rahim atau lebih dikenali dengan gelaran Abe Mijie berumur 30 tahun. Abe Mijie bergerak dalam berkumpulan dalam bidang seni persempahan alat muzik tradisional dan kepakarannya adalah bermain pelbagai alat muzik tradisional seperti gendang, rebana, gedombak, canang, kesi, gong dan jugak

serunai. Abe Mijie pernah menjadi juara dalam pertandingan suara serunai terbaik dan menjadi pembuat serunai yang berpengalaman. Abe Mijie pernah belajar di UITM dalam bidang Art and Design dan menyambung pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi iaitu Deegre Kaunselor Pendidikan, selain itu Abe Mijie jugak mahir dalam membuat pelbagai bentuk ukiran.

### **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan memberi pengalaman dan menambah ilmu pengetahuan kepada seluruh masyarakat khususnya golongan muda yang ingin mempelajari tentang serunai. Hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada generasi muda yang kurang minat dalam alat muzik tradisional serunai. Kajian ini jugak ramai yang akan tertarik tentang serunai.

Selain itu, kajian ini dapat menerangkan tentang jenis-jenis serunai di Kelantan. Dalam Kelantan terdapat dua jenis serunai yang biasa digunakan dalam persembahan. Serunai di Kelantan mempunyai dua saiz iaitu serunai besar dan serunai yang lebih kecil. Kedua-dua serunai ini digunakan dalam persembahan yang berbeza sebagai contoh serunai besar digunakan untuk persembahan silat atau main puteri manakala serunai yang lebih kecil digunakan dalam persembahan wayang kulit. Hal ini berlaku kerana bunyi yang dikeluarkan oleh kedua-dua serunai ini berbeza dan perlu mengikut kesesuaian persembahan. Untuk persembahan silat, serunai yang besar sesuai digunakan kerana mengeluarkan bunyi yang kuat dan garang. Bunyi serunai yang kuat ini dapat menaikkan semangat pendekar silat dalam melakukan persembahan dengan lebih bersemangat.

Seterusnya, dapat menambah ilmu pengetahuan dari segi proses pembuatan serunai daripada proses awal sehingga akhir. Dalam proses ini kita dapat mengenali jenis-jenis kayu yang sesuai digunakan untuk membuat serunai dan dapat mengendalikan mesin dengan mahir. Pemilihan kayu sangat penting kerana kayu yang berkualiti tinggi dapat menghasilkan bunyi yang bagus dan tahan lasak. Bermula dengan proses pemilihan kayu dan diikuti dengan proses memotong dan menebuk kayu menjadi bulat dan panjang berbentuk kon di tengah bahagian kayu.



## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan sejarah perkembangan serunai, pendekatan historikal dan hubungkait perkara-perkara yang dikaji dengan bahan-bahan berbentuk teks, artikal-artikal, jurnal pendidikan serta maklumat dari laman-laman web yang akan membantu pengumpulan data dalam menjawab persoalan kajian. Ini membolehkan pengkaji melihat apakah yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji lain dalam bidang alat-alat muzik keluarga erofon yang dapat memberi sokongan maklumat kepada kajian ini.

Oleh itu, tujuan utama kajian literatur adalah untuk mengelakkan persamaan dalam membuat kajian dan menambah baik kelemahan kajian lepas. Kajian literatur juga sangat membantu dalam menentukan tahap persetujuan dan konsensus di kalangan penyelidik sebelum mengenal pasti penyelidikan yang sedang dijalankan. Malah ia boleh dijadikan panduan kepada usaha reka bentuk kajian, selain membantu mendapatkan maklumat cadangan kajian lanjutan berdasarkan saranan pengkaji yang terdapat dalam kajian lepas. Berdasarkan kajian pengkaji iaitu Kajian Terhadap Alat Muzik Serunai di Dalam Wayang Kulit Di Kelantan, pengkaji terlebih dahulu perlu mencari dan mendapatkan tinjauan literatur bertujuan membentuk kerangka kajian. Ia juga membolehkan pengkaji mendapatkan gambaran awal tentang skop penyelidikan yang boleh dijalankan. Kajian literatur memainkan peranan penting dalam memberi pencerahan dan pengetahuan untuk mencipta idea dalam penyelidikan yang dijalankan.

## 2.1 KAJIAN LITERATUR

Muhammad Firdaus Bin Othman (2021) kajiannya bertajuk kajian terhadap alat muzik serunai dalam wayang kulit di Kelantan. Kajian ini membincangkan tentang alat muzik tradisional iaitu serunai yang menjadi identiti dan cultural expression kepada masyarakat melayu dalam hiburan tradisi. Dalam kajian ini, antara aspek yang diteliti adalah dari segi jenis-jenis serunai yang terdapat di Kelantan sahaja. Selain itu turut memfokuskan kepada proses-proses pembuatan serunai. Bermula dari pemerhatian dan pendedahan alam sekeliling sehingga menggunakan sumber-sumber alam semulajadi dari hutan untuk dijadikan alat muzik serunai. Di samping turut memberi tumpuan terhadap fungsi alat muzik dalam wayang kulit Kelantan. Semangat alam serta kepercayaan khurafat selalu dikaitkan oleh masyarakat terdahulu dalam penggunaan alam muzik dalam hiburan mahupun pemujaan serta upacara khas. Muzik tradisional serunai adalah digunakan masyarakat terdahulu sebagai alat yang menunjukkan emosi perasaan dan escapism yang mencetuskan keseronokan, seterusnya dijadikan sebagai perehat jiwa dan batin. Oleh itu, jelaslah bahawa alat serunai merupakan alat penghubung hubungan antara manusia dan pencetus budaya terlahir daripada masyarakat yang kreatif pemikirannya dalam membina budaya yang dicipta atas tangan sendiri..

Kamarudin bin Yusoff (2008) kajiannya bertajuk teknik permainan serunai dalam konteks pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional wayang kulit kelantan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti aspek-aspek yang diambil kira dalam proses pengajaran dan pembelajaran permulaan permainan serunai. Fokus kajian adalah berkaitan dengan teknik-teknik permainan, ungkapan serta istilah tradisional tempatan yang digunakan oleh tenaga pengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini perlu dijalankan memandangkan pemain-pemain serunai semakin berkurangan dan kebanyakannya terdiri daripada warga tua. Seorang pemain serunai terkenal di Pasir Mas, Kelantan iaitu En. Hamzah bin Yusof telah dipilih sebagai informan dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan secara kualitatif yang melibatkan temuduga dan pemerhatian. Kaedah triangulasi digunakan untuk mengesahkan maklumat dalam persoalan kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran serunai secara tradisional dapat membantu memelihara tradisi permainan alat ini. Ia juga dapat dijadikan panduan bagi guru-guru untuk mengajar pelajar-pelajar baru dalam permainan serunai di sekolah dalam usaha memperkembang kembali teknik permainan alat serunai. Diharap kajian ini dapat membantu menghidupkan kembali muzik tradisional yang berkaitan dengan serunai.

Azhar Bin Abdul Latiff (2007) kajiannya bertajuk suara serunai kelantan: seni bunyi di alam melayu. kajian aspek akustik muzik dan sifat-sifat bunyi. Serunai Kelantan merupakan alat muzik tradisional yang digunakan untuk membawa melodi seni persembahan masyarakat Melayu Kelantan seperti muzik wayang kulit Kelantan, muzik makyung, muzik main puteri, muzik tari asyik, muzik gendang silat dan muzik rebana ubi. Alat muzik ini merupakan artifak teknologi seni muzik yang dibangunkan oleh masyarakat Melayu di Kelantan. Kewujudannya dipercayai berasal daripada timur tengah dan telah wujud di negeri Kelantan hasil daripada difusi budaya seawal

kewujudan kesenian wayang kulit Kelantan iaitu pada kurun ke 14. Walau bagaimanapun kini warisan budaya ini semakin dilupakan oleh masyarakat dan dikhawatiri akan pupus sekiranya tiada langkah proaktif yang diambil untuk membangunkan alat muzik ini. Antara penyelesaian kepada masalah ini ialah kajian aspek teknikal Serunai Kelantan. Usaha ini dapat memastikan alat muzik dan seni muziknya akan terus survival dan relevan dalam konteks sosio budaya masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat Melayu dalam mengharungi cabaran pemodenan dan globalisasi dunia. Penulisan ini berfokus kepada analisis aspek teknikal suara yang dihasilkan serunai Kelantan di dalam permainan wayang kulit Kelantan, gendang silat, muzik rebana ubi, dan lain-lain seni persembahan yang berkaitan menggunakan pendekatan kejuruteraan akustik muzik dan sains fizik. Dapatan yang diperoleh daripada penyelidikan ini dijangka dapat dijadikan panduan bagi membantu ahli-ahli industri pembuatan alat muzik tradisional, para penggiat seni muzik tradisional, ahli-ahli akademik, agensi kerajaan dan lain lain pihak yang berkaitan dalam usaha pembangunan alat muzik tradisional di Malaysia khususnya serunai Kelantan.

Nurul Shuhadaq (2007) kajiannya bertajuk serunai. Asal mula serunai atau puput serunai dijangka datang dari nama shehnai, alat muzik yang berasal dari Lembah Kashmir di dataran India Utara. Alat muzik shehnai didugamerupakan perkembangan dari alat muzik pungi yang digunakan dalam muzik para pemikatular tradisional India. Setelah dikenal luas di dataran tinggi Minangkabau (kawasan Sumatera Barat sekarang), serunai menjadi popular sebagai alat muzik tiup tradisional Minang. Alat muzik ini dikenali merata di Sumatera Barat, terutama di bahagian dataran tinggi seperti di daerah Agam, Tanah Datar dan Lima Puluh Kota dan juga di sepanjang pesisir pantai Sumatera Barat. Alat muzik ini sejak lama telah dipopularkan ke seluruh Malaysia oleh

para imigran dari Minang dan juga telah dikenali sebagai alat muzik tradisional di Malaysia dan masyarakat Banjar di Kalimantan dengan nama yang sama. Bahan untuk membuat sebuah puput serunai tradisional Minang terdiri daripada batang padi, kayu atau buluh, tanduk kerbau atau daun kelapa. Bahagian penata bunyi serunai diperbuat daripada kayu capo ringkik atau dari buluh talang yang saiznya sebesar ibu jari tangan. Capo ringkik adalah sejenis tanaman perdu yang mempunyai lapisan kayu keras namun mempunyai bahagian dalam yang lembut, sehingga mudah untuk dilubangi. Kayu yang panjangnya 20 cm tersebut diberi 4 lubang yang berselisih jarak 2.5 cm, yang berfungsi memberi beza tinggi rendah nada. Nada yang lazim pada alat muzik tradisional Minang termasuk puput serunai adalah nada pentatonis "*do-re-mi-fa-sol*".

Abdullah bin Derahman (2017) kajiannya bertajuk Kelestarian Serunai Sebagai Alat Melodi Dalam Transformasi Seni Persembahan Di Alam Melayu. Seni muzik adalah sebahagian komponen budaya yang mampu memperkasa nilai-nilai, norma, institusi sosial, ritual keagamaan serta menyumbang kepada kesinambungan dan kestabilan kebudayaan dalam sesebuah masyarakat. Kajian ini bertujuan meneliti aspek-aspek yang diambil kira dalam proses pewarisan serunai seperti teknik-teknik permainan dan ungkapan serta istilah tempatan yang diguna dalam pemindahan kemahiran oleh pengamal kepada pelajar baru. Kajian ini juga memerihalkan latar sejarah bagaimana alat serunai tiba di rantau ini. Penelitian terhadap pola migrasi dari aspek geografi serunai dilakukan untuk mendapatkan satu gambaran jelas tentang bagaimana urutannya sehingga serunai menjadi salah satu alat muzik bermelodi yang penting dalam ensemبل muzik tradisional di Malaysia, Borneo, Kemboja, Selatan Thailand dan di Indonesia. Metodologi kajian melibatkan kajian artifak, kajian dokumen dan temubual dengan orang sumber. Dapatan kajian menunjukkan bahawa serunai masih

digunakan sebagai alat melodi dalam seni persesembahan tradisional di Alam Melayu seperti Silat, Tomoi, Menora, Wayang Kulit, Mak Yong, gendang jaga-jaga dan persesembahan pada hari kebesaran. Namun demikian, penggunaan serunai dalam persesembahan kontemporari agak terhad kepada lagu-lagu yang bersifat tradisional. Adalah diharapkan serunai terus kekal dan turut diketengahkan dalam persembahan orkestra moden dan muzik kontemporari yang membawa identiti Alam Melayu. Dalam kehidupan istana dan kraton muzik nobat mendapat tempat dalam upacara rasmi. Muzik nobat juga berasal dari istana kerajaan negara-negara Islam di Timur Tengah. Ini termasuklah kerajaan Iran purba dan kemudiannya popular di istana Iraq, Turki, Mesir, India dan Kepulauan Melayu. Semasa kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu, nobat dikatakan dimainkan di istana Pasai. Muzik nobat dipercayai wujud semenjak pemerintahan raja Pasai iaitu Sultan Malik Ul-Salih atau dikenali juga sebagai Merah Silu. Muzik nobat dari Pasai ini kemudiannya dibawa ke Semenanjung Tanah Melayu dan memainkan peranan penting dalam istiadat di istana kerajaan Islam Melaka. Nobat berfungsi untuk mengiringi istiadat diraja dan sebagai alat yang dibunyikan untuk menandakan waktu solat. Nobat di negeri Kedah dipercayai berasal daripada keturunan Nabi Allah Ibrahim Khalilullah. Tradisi nobat ini kemudiannya diwarisi sehingga ke zaman Iskandar Zulkarnain. Selepas itu, muzik nobat diikuti pula oleh seluruh raja-raja dan setiap lapisan pemerintah di Tanah Arab, Asia Barat dan Timur.

Terdapat enam alat muzik yang dimainkan untuk membentuk muzik nobat iaitu sebatang serunai, sebatang nafiri, gendang bulat (anak dan ibu), nahara dan gong. Nafiri adalah tiupan horn yang mengeluarkan bunyi yang sayup dan menggerunkan. Panjangnya 32 inci dan diperbuat daripada perak. Nahara pula adalah gendang satu muka yang berbentuk cawan berukuran 12 inci panjang, ukuran garis pusatnya 11 inci dan ukuran lilitnya 36

inci. Badannya diperbuat daripada kayu merbau sementara kulit kijang digunakan untuk menutup mukanya. Dua batang rotan halus berukuran 17.5 inci panjang digunakan sebagai pemukul. Semasa dimainkna, na hara disendai dengan semambu (batang kayu 69.5 inci panjang yang dibalut dengan kain baldu kuning) supaya muka nahara mudah dipalu. Gong adalah sebiji gong tembaga yang ukuran lilit mukanya 60 inci dan lebarnya 2.5 inci.2. Serunai berfungsi sebagai alat melodi utama dalam muzik-muzik ensembel Wayang Kulit, Gendang Silat, Mak Yong, Mek Mulung, Menora dan Main Puteri. Serunai juga digunakan dalam muzik-muzik tarian seperti tarian asyik, terinai, wau bulan dan taridra. Dari sudut industri muzik pula, penggunaan serunai tidak lagi dianggap pelik dan sumbang kerana telah ada lagu-lagu yang bercorak irama Malaysia dan kontemporari menggunakan serunai sebagai adunan muziknya. Sebagai contoh, lagu Semerah Padi ciptaan M. Nasir, menggunakan serunai sebagai muzik pengenalan. Di kepulauan Indonesia, serunai dikenali dengan beberapa nama seperti sruni di Jawa, Bali dan Lombok, serunen di Jawa Timur dan Madura, srune di Aceh dan serunai di Malaysia dan Sumatera.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, kajian akan memfokuskan kepada reka bentuk kajian, sumber data, kaedah pengumpulan data, dan prosedur yang digunakan untuk menganalisis data. Kaedah penyelidikan merujuk kepada teknik yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan mengenal pasti prosedur yang berkesan untuk menjawab soalan kajian. Pada bahagian ini, pengkaji akan menjalankan beberapa cara pemerolehan daptan kajian mengenai metodologi, kaedah kajian untuk mendapatkan maklumat terhadap kajian.

#### 3.1 METODOLOGI KAJIAN

Satu kajian yang dijalankan oleh pengkaji dalam tahap untuk mempelajari secara mendalam dan jelas berkenaan sesuatu fakta, pengalaman, data-data yang tertentu, konsep dan pelbagai perkara yang berkaitan dengan alat muzik tradisional Serunai dalam persembahan Wayang Kulit. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif ini untuk mengumpulkan data-data dengan menggunakan beberapa cara seperti pemerhatian, sumber rujukan, keperpustakaan, temubual, laporan penilaian dan perkara yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

## **PEMERHATIAN**

- Pengkaji telah melakukan pemerhatian di kawasan kajian. Kawasan yang dipilih oleh pengkaji adalah di Kampung Pauh Lima, Bachok.

## **TEMUBUAL**

- Pengkaji telah menemubual seorang pengiat aktif dalam pembuatan alat muzik tradisional seperti serunai, gong, gendang dan lain-lain. En. Tarmizi bin Rahim, 30 merupakan penggiat seni.

## **LAPANGAN**

- Pengkaji telah membuat kajian lapangan.

## **INTERNET**

- Laman web rasmi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

### 3.2 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan kajian yang dilakukan bertujuan untuk mengkaji jenis-jenis alat muzik Serunai di Kelantan. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenalpasti proses pembuatan alat muzik tradisional Serunai disamping ingin memartabatkan fungsi Serunai dalam seni persembahan Wayang Kulit agar dapat menarik minat masyarakat tentang alat muzik tradisional dalam Wayang Kulit. Hal ini kerana, Wayang Kulit ialah satu tradisi yang ditinggalkan oleh nenek moyang dahulu dan ianya perlu dipelihara supaya seni tradisi ini tidak ketinggalan zaman. Generasi masa kini perlu di dedahkan dengan persembahan Wayang Kulit supaya dapat memahami nilai yang penting dalam persembahan Wayang Kulit. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan penting dalam memelihara seni tradisi Wayang Kulit ini dan perlu memartabatkan Wayang Kulit ini sehingga dikenali oleh masyarakat dan bangsa yang lain. Warisan negara perlu diangkat tinggi oleh masyarakat supaya seni tradisi ini tidak dilupakan dan sentiasa mewarisi dari generasi ke generasi ke hadapan. Jika tidak diendahkan dan tidak di pedulikan maka, kesenian dalam tradisi kita akan pupus dan golongan masyarakat tidak akan kenal warisan yang diwarisi oleh zaman dahulu lagi. Dengan itu, Wayang Kulit perlu dipelihara dan didedahkan kepada golongan masyarakat supaya dapat memelihara warisan seni disamping menarik minat golongan masyarakat untuk mencuba menceburi bidang dalam persembahan Wayang Kulit serta alat muzik tradisional.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis setiap proses yang dilakukan dalam menghasilkan sebuah serunai. Setiap proses yang dilakukan dari pemilihan bahan mentah seperti kayu yang digunakan, peralatan mesin yang gunakan, teknik bermain serunai , simbolik dan kepercayaan serunai dikaji sebagai analisis kajian.Pengalaman mempelajari proses pembuatan serunai dicatat dan dirakam agar golongan akan datang dapat belajar daripada rujukan tersebut. Setiap proses yang dilakukan dari mencari bahan mentah seperti kayu dan daun tar dilakukan dengan selamat dan proses mlarik dilakukan dengan teliti agar serunai dapat disiapkan dengan cantik.

#### 4.1 MAKLUMAT INFORMAN

Encik Muhammad Tarmizi berumur 30 tahun, merupakan seorang penggiat atau tukang membuat alat muzik tradisional seperti gong, canang, serunai dan banyak lagi. Sejak dari bangkusekolah, Encik Tarmizi telah menunjukkan minat dalam bidang muzik tradisional. Selepas tamat pelajaran di peringkat Sarjana, masanya diisi dengan membuat alat muzik mengikut tempahan dari pelanggan-pelanggan bagi menjana pendapatan. Kepakarannya bukan sahaja membuat alat muzik tradisional, malahan juga pakar dalam bermain dan membuat persembahan serunai. Encik Tarmizi juga menyatakan alat muzik serunai berasal dari Selatan Thailand dan dikenali juga sebagai “nago ulit”. Hal ini dikatakan demikian kerana bentuk dan bunyinya yang unik

sehingga dipanggil “nago ulit” oleh orang-orang tua pada zaman dahulu.

#### **4.2 OBJEKTIF 1: MENGENALPASTI PROSES DAN PERALATAN YANG DIGUNAKAN DALAM PEMBUATAN SERUNAI.**

Melalui temu bual bersama Encik Tarmizie, peralatan muzik tradisional menggunakan bahan-bahan daripada semula jadi sebagai contoh serunai diperbuat daripada kayu dan pipit diperbuat daripada daun tar. Pelbagai jenis kayu boleh digunakan sebagai contoh kayu meranti,kayu Nangka,kayu merbau kuning,kayu merbau merah atau kayu merbau hitam. Kebiasaannya kayu dicari sendiri oleh pembuat serunai di dalam hutan kerana dengan mencari dan memilih sendiri kayu di dalam hutan dapat memberi pengalaman dan kepuasan. Banyak lagi jenis kayu lain yang terdapat di dalam hutan yang dapat digunakan namun jarang digunakan untuk membuat serunai kerana teras kayu yang keras dan tidak sesuai. Pokok tar mempunyai pelbagai manfaat daripada buahnya dapat dijadikan minuman dan daripada daunnya dapat dijadikan pipit serunai. Buah tal amat digemari sebagai minuman yang dapat melegakan tekak kerana buahnya dapat menyejukkan dan badan memberi banyak manfaat. Manakala daunnya pulak dijadikan pipit serunai kerana daun tar lebih kuat berbanding daun lain , ketika daun tar ini kering , daunnya diambil untuk dijadikan pipit serunai. Selain itu daun tar jugak dapat bertahan lebih lama berbanding daun lain apabila kering oleh disebabkan itu , daun tar menjadi pilihan para pembuat serunai untuk dijadikan pipit serunai. Selain dapat mengenali jenis-jenis kayu dan daun yang digunakan untuk membuat serunai, kita juga dapat belajar mengendalikan mesin dan peralatan yang digunakan dalam membuat serunai. Antara peralatan yang digunakan dalam proses pembuatan serunai adalah kapak dan pahat. Proses dimulakan dengan membentuk kayu yang segi empat menjadi bulat menggunakan kapak dan pahat agar lebih memudahkan untuk proses mlarik.

Seterusnya proses melarik, proses ini memerlukan ketilitian yang tinggi kerana proses melarik adalah proses membentuk kayu yang bulat menjadi serunai. Proses melarik ini dilakukan dua kali, bermula dengan melarik batang serunai kemudian copong serunai. Setelah siap kayu dilarik bentuk serunai kemudian proses menebuk bahagian tengah serunai.

Proses menebuk ini, adalah proses yang sukar dilakukan kerana proses menebuk ini memerlukan focus yang tinggi dan tangan yang tepat kerana perlu menebuk lubang yang bulat dan lurus di bahagian tengah serunai. Kemudian menebuk lubang penjarian serunai sebanyak tujuh lubang di depan dan satu di belakang. Lubang ditebuk menyerong ke atas agar bunyi dapat dikeluarkan dengan sesuai. Proses yang terakhir adalah menentukan bunyi serunai dengan betul dan mencantikkan serunai dengan hiasan. Kebanyakan pembuat serunai memilih ukiran rebung buluh di serunai kerana cantik dan sesuai. Ukiran rebung buluh diukir di badan serunai kerana bentuk rebung yang tegak dan menunjuk ke arah matahari memberi pelbagai inspirasi. Selain itu ukiran rebung buluh ini menaikkan lagi kemegahan bentuk serunai kerana ukiran rebung buluh berbentuk seperti kubah masjid segi tiga lebar dan muncung tajam di atas. Ukiran daun ditambah untuk mencantikkan lagi serunai. Hasil sesebuah serunai tidak ternilai dengan harga tapi dinilai atas dasar pengalaman dan ilmu pembuat serunai, semakin cantik serunai maka semakin berpengalaman seorang pembuat serunai. Suara serunai menjadi tarikan kerana mengeluarkan bunyi yang unik berbanding alat muzik lain. Serunai dikategorikan dalam alat muzik aerofon kerana alat muzik yang mengeluarkan bunyi daripada angin atau tiupan. Serunai diperbuat daripada kayu oleh disebabkan itu bunyi serunai lebih unik berbanding alat tiup lain. Terdapat pelbagai lagi alat muzik yang menggunakan tiupan atau angin seperti seruling daripada buluh

sexsofon daripada besi namun serunai lebih kerana daripada kayu. Proses pembelajaran yang paling efektif dan berkesan adalah belajar dengan guru yang betul secara langsung sebagai contoh mempelajari ilmu pembuatan serunai dengan orang yang pakar membuat serunai dan pelbagai alat muzik tradisional lain lagi. Dengan berguru dengan orang yang betul dan mempunyai pengalaman serta ilmu yang mendalam tentang pembuatan alat muzik tradisional ini, saya dapat mempelajari pelbagai perkara seperti sejarah dan budaya serunai di Kelantan, fungsi serunai dalam pelbagai majlis atau upacara yang berbeza dan nilai-nilai murni dalam menjaga keunikan budaya tempatan.

saiz untuk serunai wayang kulit yang dibuat oleh Encik Tarmizi adalah 22 inci untuk panjang keseluruhan, kemudian dibahagi pulak kepada tiga bahagian iaitu menali, batang dan kecopong. Saiz untuk menali adalah 3.5 inci panjang manakala untuk batang serunai pulak 13 inci panjang dan kecopong 6 inci panjang. Jarak setiap lubang penjarian untuk serunai adalah 1 inci manakala untuk lubang belakang serunai pulak ditebus sama ukuran dengan lubang paling atas di hadapan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1. PROSES MENARAH KAYU MENGGUNAKAN KAPAK



Gambar proses menarah kayu

Sumber : Muhammad Tarmizi Bin Rahim (2023)

### PROSES DIGUNAKAN: MENARAH

Menurut Encik Tarmizi, sebelum memulakan proses mlarik, kayu akan ditarah menggunakan kapak terlebih dahulu untuk membuang lebihan kayu yang tidak digunakan. Proses ini juga dibuat untuk memudahkan kerja mlarik kayu kerana kayu.

### PERALATAN DIGUNAKAN: KAPAK

Kapak merupakan peralatan yang sering digunakan untuk menebas, menarah atau memotong kayu, kapak juga digunakan dalam kerja pertukangan atau pembuatan kerana ketebalan dan ketajaman besi yang memudahkan proses kerja dilakukan. Dalam proses pembuatan serunai ini, kayu yang besar telah dipotong menggunakan mesin chainsaw menjadi bentuk segi empat lalu ditarah menggunakan kapak menjadi bentuk bulat. Proses menarah ini adalah membentuk kayu secara kasar menggunakan kapak dan membuang lebihan kayu yang tidak ingin digunakan. Proses menarah kayu amat penting dilakukan untuk memudahkan proses mlarik kerana kulit kayu yang tidak digunakan telah dibuang dan telah dibentuk menggunakan kapak.

## 2. PROSES MELARIK BATANG SERUNAI



Gambar proses mlarik batang serunai

Sumber : Muhammad Tarmizi Bin Rahim (2023)

### PROSES DI LAKUKAN: MELARIK

Proses mlarik adalah proses membentuk kayu mengikut saiz yang dikehendaki. Kayu hendaklah diletakkan ditengah mesin larik kemudian dikunci kiri dan kanan kayu menggunakan besi lalu kayu boleh dilarik dengan selamat. Proses mlarik ini menggunakan mata pahat yang tajam untuk membentuk serunai.

### PERALATAN DI GUNAKAN: MESIN LARIK DAN PAHAT



2. MESIN LARIK



3. PAHAT

Mesin larik adalah mesin yang digunakan untuk melakukan kerja-kerja seperti membentuk kayu mengikut saiz yang dikehendaki. Mesin larik jugak boleh digunakan untuk mencanai dan mengilap kayu sehingga cantik. Cara menggunakan mesin larik

adalah meletakkan kayu di atas mesin larik, pastikan kayu dikepit oleh besi dari arah kiri dan kanan agar kayu berada dalam keadaan kemas dan selamat dilarik. Kemudian pemotongan dilakukan dengan menyuapkan mata besi atau mata pahat ke arah kayu yang sedang berpusing. Mata pahat tersebut hendaklah diarah sama ada bersudut tepat atau menyerong sedikit agar dapat melarik dengan cantik.

Cara penggunaan mata pahat terhadap kayu yang sedang berpusing sangat sensitif kerana jika tersalah kedudukan maka kayu akan kelihatan tidak cantik oleh itu amat penting untuk praktis melarik kayu dengan betul. walaubagaimanapun keselamatan sangat penting dalam setiap proses kerja oleh itu memakai peralatan yang sesuai sangat digalakkan seperti memakai sarung tangan dan kaca mata supaya tidak berlaku sebarang kecelakaan.

### 3. PROSES MELICINKAN KAYU MENGGUNAKAN KERTAS PASIR



Gambar proses melicinkan kayu menggunakan kertas pasir

Sumber : Muhammad Tarmizi Bin Rahim (2023)

## PROSES DILAKUKAN: MENGGILAP

Setelah kayu dilarik bentuk serunai maka proses melicinkan bahagian luaran kayu menggunakan kertas pasir dilakukan. Kertas pasir yang halus digunakan agar kayu menjadi lebih licin dan cantik.

## BAHAN DIGUNAKAN : KERTAS PASIR

Kertas pasir mempunyai pelbagai fungsi antaranya melicinkan permukaan yang tidak rataterutamanya dalam kerja pertukangan dan proses finishing.

### 4. PROSES MELARIK KECOPONG SERUNAI



Gambar proses mlarik kecopong

Sumber : Muhammad Tarmizi Bin Rahim (2023)

## PROSES DILAKUKAN : MELARIK

Proses membuat kecopong serunai dilakukan sama seperti membuat batang serunai iaitu menggunakan mesin larik untuk membentuk kecopong dan melicinkannya menggunakan kertas pasir.

**BAHAN DAN PERALATAN DIGUNAKAN: MESIN LARIK DAN PAHAT**

2. MESIN LARIK



3. PAHAT

Mesin larik adalah mesin yang digunakan untuk melakukan kerja-kerja seperti membentuk kayu mengikut saiz yang dikehendaki. Mesin larik jugak boleh digunakan untuk mencanai dan mengilap kayu sehingga cantik. Cara menggunakan mesin larik adalah meletakkan kayu di atas mesin larik, pastikan kayu dikepit oleh besi dari arah kiri dan kanan agar kayu berada dalam keadaan kemas dan selamat dilarik. Kemudian pemotongan dilakukan dengan menyuapkan mata besi atau mata pahat ke arah kayu yang sedang berpusing. Mata pahat tersebut hendaklah diarah sama ada bersudut tepat atau menyerong sedikit agar dapat melarik dengan cantik. Cara penggunaan mata pahat terhadap kayu yang sedang berpusing sangat sensitif kerana jika tersalah kedudukan maka kayu akan kelihatan tidak cantik oleh itu amat penting untuk praktis melarik kayu dengan betul.

## 5. PROSES MENEBUK



Gambar proses menebuk lubang angin

Sumber : Muhammad Tarmizi Bin Rahim (2023)

### PROSES DILAKUKAN: MENEBUK

Batang serunai ditebuk menggunakan mesin drill atau mesin penebuk di bahagian tengah untuk saluran udara keluar. Serunai ditiup dari atas pada bahagian pipit lalu udara keluar melalui lubang yang telah ditebuk pada bahagian tengah serunai.

### PERALATAN DIGUNAKAN: MESIN DRILL

mesin drill berfungsi untuk membuat lubang atau memutar skru dan dalam proses pembuatan serunai ini, mesin drill digunakan oleh Encik Tarmizi untuk menebuk lubang di bahagian tengah batang serunai. Lubang tersebut bertujuan untuk saluran udara yang ditiup daripada pipit serunai.

## 6. LUBANG PENJARIAN



Gambar proses menebuk lubang penjarian

Sumber : Muhammad Tarmizi Bin Rahim (2023)

### PROSES DILAKUKAN: MENEBUK LUBANG PENJARIAN

Mesin drill jugak digunakan untuk membuat lapan lubang penjarian iaitu tujuh lubang dihadapan dan satu lubang dibelakang. Lubang penjarian ini ditebuk pada bahagian batang serunai.

### PERALATAN DIGUNAKAN: MESIN DRILL

Mesin drill berfungsi untuk membuat lubang atau memutar skru dan dalam proses pembuatan serunai ini, mesin drill digunakan oleh Encik Tarmizi untuk menebuk lubang penjarian pada bahagian batang serunai.

## 7. PROSES UKIRAN DAN WARNA SERUNAI



Gambar proses mengukir dan mewarna

Sumber : Muhammad Tarmizi Bin Rahim (2023)

### PROSES DILAKUKAN: UKIRAN

Setelah serunai siap dilarik menggunakan mesin larik dan telah siap digilap dan dilicinkan menggunakan kertas pasir serunai tersebut boleh diukir dengan pelbagai bentuk ukiran. Ukiran yang diminati oleh pembuat serunai adalah bentuk rebung buluh kerana dikatakan ukiran berbentuk rebung buluh sesuai untuk serunai.

### BAHAN DIGUNAKAN: BERUS DAN CAT

serunai yang mempunyai ukiran akan dicat menggunakan warna sesuai sebagai contoh warna merah, hijau, kuning atau putih. Proses mewarnakan ukiran pada serunai ini termasuk bahagian finishing untuk mencantikkan lagi serunai yang sudah siap.

## KAJIAN INTERNET

Melalui kajian internet daripada video di youtube bertajuk pembuatan serunai di Kampung Kebakat bersama Wak Isa,saya dapati proses pembuatan serunai yang digunakan adalah melarik, menebuk dan membuat menali. Proses pertama yang digunakan adalah memahat kayu yang ingin digunakan kemudian melarik batang serunai. Untuk mencantikkan dan menghalusi bentuk batang serunai ini, Wak Isa menggunakan kertas pasir untuk melicinkannya. Proses pembuatan kecopong dilakukan sama seperti membuat batang serunai. Setelah batang dan kecopong serunai siap dilarik, proses seterusnya adalah menebuk lubang tengah untuk saluran udara yang ditiup. Wak Isa menggunakan menebuk lubang tengah menggunakan cara tradisional iaitu menggunakan tali yang menggerakkan besi lalu besi tersebut menebuk lubang tengah serunai. Proses seterusnya adalah membuat menali menggunakan besi atau logam. Dalam proses pembuatan menali ini, penting untuk menjaga keselamatan kerana menggunakan api yang kuat untuk menempa besi yang sekeping menjadi bentuk kon atau bentuk menali. Proses terakhir adalah menebuk lapan lubang penjarian tujuh dihadapan dan satu dibelakang.

## ULASAN

Hasil kajian saya daripada pemerhatian dan temubual bersama Encik Tarmizi dan kajian daripada sumber internet iaitu video youtube yang bertajuk proses pembuatan serunai di Kampung Kebakat bersama Wak Isa mempunyai persamaan dan perbezaan antara kedua-dua penggiat seni ini.

Menurut pandangan saya persamaan proses pembuatan serunai antara Encik Tarmizi dan Wak Isa adalah dari segi bahan yang digunakan iaitu kayu yang dipilih untuk membuat serunai sama antara kedua penggiat seni ini. Mereka menggunakan kayu rengas, kayu kemuning hitam, kayu sira tanduk dan kayu Nangka dan kayu merbau. Wak Isa dan Encik Tarmizi menggunakan menggunakan daun tal sebagai pipit serunai kerana daun tal mempunyai ciri-ciri yang sesuai untuk dijadikan pipit serunai sebagai contoh daunt al keras, tebal dan tidak mudah mereput. Selain itu penggunaan mesin larik dalam proses pembuatan batang dan kecopong serunai. Wak Isa dan Encik Tarmizi menggunakan mesin larik untuk membentuk batang dan kecopong serunai kerana mesin larik mempunyai fungsi khas dalam memotong, menghalusi, melicin dan membentuk kayu.

Menurut pandangan saya, perbezaan proses pembuatan serunai antara Encik Tarmizi dan Wak Isa adalah memnbuat lubang tengah untuk saluran udara serunai. Encik Tarmizi menggunakan mesin drill dengan batang penebuk yang panjang untuk membuat lubang tengah serunai manakala Wak Isa menggunakan peralatan tradisional iaitu menggunakan besi panjang yang tajam, tali dan kayu. Tali diikat pada kayu, besi yang tajam dan panjang direka khas untuk menebuk batang serunai, besi tersebut dilekatkan dengan kayu, apabila dipusingkan tali tersebut maka besi yang tajam itu akan berpusing sekali maka batang tengah serunai akan ditebuk dengan besi itu.

Selain itu, proses menali jugak berbeza antara kedua penggiat seni ini kerana kemahiran menempa yang berbeza. Wak Isa membuat sendiri menali dirumahnya dengan cara menempa besi menjadi bentuk menali manakala Encik Tarmizi kurang berkemahiran dalam proses menempa maka Encik Tarmizi menempah menali di kedai untuk menyiapkan serunainya.



## 4.3 OBJEKTIF 2: MENGKAJI TEKNIK BERMAIN SERUNAI

### KAJIAN LAPANGAN

Mengikut kajian saya, berdasarkan pemerhatian dan temubual bersama Encik Tarmizi mengenai teknik bermain serunai katanya, bagi pemula yang baru belajar meniup serunai perlu belajar cara sambung nafas ataupun dipanggil curi nafas. Cara untuk sambung nafas ketika meniup serunai sangat sukar dikuasai kerana proses tersebut boleh diajar namun sukar difahami. Kata Encik Tarmizi, serunai hendaklah ditiup tidak berhenti kerana bunyi serunai ketika persembahan dijalankan tanpa henti. Cara untuk mengawal udara keluar masuk dari hidung amat penting untuk pemain serunai kerana semakin baik kawalan udara keluar masuk maka semakin bagus bunyi yang ditiup namun jika gagal untuk mengawal udara keluar masuk melalui hidung dengan baik maka bunyi serunai yang ditiup tidak akan berbunyi dengan lancar.

Asas meniup serunai adalah mengawal pernafasan melalui hidung. Udara yang keluar daripada mulut hendaklah sentiasa ditiup dan pada masa yang sama perlu menarik nafas melalui hidung dengan cepat agar bunyi serunai tidak terjejas. Pipit serunai hendaklah dibasahkan dengan sedikit air agar daun tal menjadi sedikit lembap, hal ini dilakukan untuk menjaga kualiti daun tal agar lebih tahan lama.

Encik Tarmizi berkata proses tukar nafas akan terjadi dengan sendiri apabila sering kali meniup serunai akan tetapi perlu berlatih dengan cara yang betul. Proses tukar nafas ataupun curi nafas ini berlaku apabila kitara udara di dalam hidung dan mulut berjalan serentak. Maksudnya dalam proses meniup serunai ini, peniup serunai perlu mengambil nafas melalui hidung dan meniup keluar udara melalui mulut serentak maka terjadilah

bunyi serunai tanpa putus. Latihan untuk tukar nafas sangat penting kerana asas untuk pemain serunai adalah mahir dalam pernafasan samada mengawal keluar masuk udara dan tukar nafas. Salah satu cara yang diajarkan oleh Encik Tarmizi untuk belajar tukar nafas adalah meniup tapak tangan sendiri, jika angin yang dituuiup ke tapak tangan merasa seperti bersambung dan lancar maka proses tukar nafas berjaya dilakukan tetapi jika angin yang dituup ke tapak tangan itu merasa seperti putus-putus dan tidak bersambung maka proses tukar nafas belum dikuasai sepenuhnya lagi.

Encik Tarmizi berkata setelah menguasai teknik pernafasan baru boleh belajar penjarian. Untuk mempelajari teknik penjarian serunai ini ada banyak cara antaranya menghitung lima saat kemudian tukar jari dan boleh jugak menggerakkan jari mengikut kiraan satu dua tiga empat lima enam tujuh. Teknik penjarian yang betul bergantung kepada kecepatan dan kepekaan peniup serunai kerana untuk menjadi peniup serunai pendengaran mestilah tajam dan teliti. Lubang penjarian untuk serunai ada lapan iaitu tujuh dihadapan dan satu dibelakang, kesemua lubang penjarian serunai ini ditebuk pada bahagian batang serunai. Untuk menutup lubang penjarian serunai perlu menggunakan kedua-dua belah tangan dan teknik ini bergantung atas individu untuk menggunakan tangan kanan atau kiri pada bahagian atas bergantung atas keselesaan peniup serunai.

Kebiasanya tangan kanan di atas dan tangan kiri dibawah kemudian jari yang digunakan jugak bergantung atas individu itu sendiri asalkan cukup tujuh jari untuk menutup lubang penjarian. Untuk lubang belakang kebiasanya akan menggunakan ibu jari tangan kanan kerana tangan kanan berada diatas jadi ibu jari tangan kananlah yang paling dekat. Peniup serunai akan menggunakan tiga jari tangan kanan dan empat jari tangan kiri untuk menutup lubang penjarian diatas. Lubang belakang yang ditutup oleh ibu jari tangan

kanan hendaklah ditutup rapat kerana kebanyakan lagu tidak menggunakan lubang belakang. Lubang bawah tersebut untuk membuat suara tinggi serunai oleh itu jarang digunakan ketika muzik iringin. Lubang satu bergantung atas individu ingin bermula dengan lubang atas atau lubang paling bawah, jika lubang satu dimulakan dari bawah maka kiraan untuk lubang penjarian bermula dari bawah ke atas tetapi seandainya lubang satu bermula dengan lubang atas bermakna kiraannya akan menjadi lubang satu bermula dari atas dan kebawah. Jari yang digunakan untuk menutup lubang penjarian hendaklah menutup serapat mungkin agar tiada angin yang bocor atau keluar melalui lubang tersebut. Perkara ini jugak untuk memastikan agar suara serunai terjaga dan tiada bunyi yang pelik terdengar kerana jika lubang tidak ditutup dengan rapat maka akan ada angin yang keluar dari lubang tersebut tanpa disedari peniup serunai. Tiup serunai menggunakan teknik circular breathing ataupun teknik sambung nafas lalu gunakan jari untuk mengawal irama.

Untuk permulaan cukup sekadar tiup dan berlatih penjarian satu dua tiga empat lima sahaja iaitu lima saat bukak satu jari kemudian lima saat lagi bukak satu jari dan begitulah berlanjutan sehingga tujuh jari dan memulakan semula latihan pada lubang satu. Setelah latihan meniup serunai berjaya dikuasai kemudian proses mempelajari teknik penjarian pulak perlu dikuasai agar teknik bermain serunai dapat dikuasai sepenuhnya.

Asas irama dalam muzik adalah mempelajari konsep do re mi fa so la ti do. Serunai merupakan alat muzik yang mengeluarkan bunyi apabila terdapat getaran angin di dalam badan serunai. Bunyi serunai amat unik kerana mengeluarkan bunyi yang nyaring tapi lembut didengari. Untuk mempelajari konsep ataupun asas teori dalam melodi muzik ini, kita perlu mempelajari apakah do re mi fa so la ti do untuk serunai. Teori muzik yang

dikenali sebagai solfège, diwakili oleh not do, re, mi, fa, so, la, ti, do, mempunyai peranan penting dalam membimbing pemuzik dan penyanyi dalam membaca dan memahami notasi muzik. Teori ini menyediakan asas untuk pembelajaran muzik, membantu seseorang untuk mengenal pasti dan mengkaji irama muzik. Teori muzik do re mi fa so la ti do adalah berdasarkan skala major dan menggunakan abjad muzik.

Bermula dengan "do" sebagai nota akar atau kunci, setiap "re," "mi," "fa," "so," "la," "ti," dan "do" yang berikut mewakili tahap not berturut-turut dalam skala. Konsep ini menjadi asas kepada pembentukan melodi dan harmoni dalam muzik. "Do" ialah titik permulaan, titik kembali dan titik penamat oleh itu teori amat penting kerana dapat mewujudkan bulatan harmoni yang lengkap. Perkembangan dari satu nota ke nota yang lain mewujudkan hubungan yang harmoni dan estetik. Sebagai contoh, lompatan daripada "do" kepada "so" atau "la" mewujudkan perasaan kemajuan atau resolusi dalam gubahan muzik. Teori do re mi fa so la ti do bukan sekadar himpunan nota malas menjadi asas yang kukuh untuk pemahaman muzik. Melalui solfège, pemuzik boleh meneroka dimensi melodi dan harmonik , mentafsir karya muzik, dan mendalami hubungan emosi mereka dengan seni muzik. Dengan cara ini, do re mi fa so la ti do menjadi asas yang membawa pemuzik dan penyanyi ke dalam dunia bahasa muzik yang indah dan mendalam.

Setelah memahami asas irama dalam muzik dan mengenal pasti apakah maksud do re mi fa so la ti do pada serunai , peniup serunai perlu mengenal pasti lagu yang ingin dimainkan dalam kategori major skill atau minor skill. Kajian ini penting dilakukan untuk mengenal pasti irama lagu yang ingin dibawa dan untuk penulisan not lagu yang tepat.

Setiap lagu yang dimainkan mempunyai lenggok dan irama tersendiri sebagai contoh lagu ulek mayang mempunyai lenggok yang mendayu-dayu dan perlahan manakala lagu anak tupai lebih rancak dan laju. Amat penting untuk mempelajari irama dan lenggok ketika meniup serunai agar bunyi yang dikeluarkan lebih merdu dan lembut. Muzik mempunyai kuasa yang luar biasa untuk menyentuh jiwa dan mengawal emosi. Irama dan lenggok yang digunakan dalam lagu memainkan peranan penting untuk mencipta suasana yang disukai ramai.. Apabila kita memasuki dunia muzik, kita perlu memahami dan mempelajari irama dan lenggok dalam lagu yang menjadi kunci untuk merasai keindahan melodi dan harmoni yang tersembunyi dalam lagu.

Irama adalah asas kepada pelbagai jenis muzik yang diciptakan oleh budaya tempatan. Memahami irama membolehkan pendengar dan pemuzik merasakan aliran muzik dan meramalkan perubahan irama dalam lagu. Dengan mempelajari irama jugak dapat memahami maksud tersirat yang terkandung di dalam lagu. Apabila seseorang memainkan atau menyanyikan lagu dengan penuh perhatian pada rentak lagu, mereka bukan sahaja mengikut langkah berirama, tetapi juga menjadi sebahagian daripada emosi yang ingin disampaikan oleh komposer muzik.

Lenggok pula mementingkan alunan dan ekspresi dalam persembahan muzikal. Alunan dan irama yang digunakan oleh peniup serunai mencerminkan tahap penguasaan pernafasan ketika bermain serunai. Dalam permainan serunai , alunan dan lenggok ini memainkan peranan penting dalam menghasilkan keindahan bunyi yang ditüp. Dengan mempelajari alunan dan lenggok meniup serunai, seorang peniup serunai boleh mempersembahkan lagu dengan kelembutan atau kekuatan yang sesuai dengan teras emosinya.

Pelbagai kepentingan mempelajari irama, lenggok dan alunan bermain serunai antaranya kebolehan menyelami kedalaman muzik dan memahami lirik lagu yang disampaikan oleh artis. Melalui pelajaran dan latihan muzik yang menumpukan pada irama dan alunan, seseorang boleh mengembangkan kreativiti terhadap alunan muzik yang lebih menarik dan dapat mengasah kemahiran mendalami maksud lagu. Dalam hal ini jugak kita dapat menambah pengalaman teknik bermain serunai dengan lebih teliti kerana kita mempelajari asas dan teori muzik yang betul.

Dalam mempelajari teknik bermain serunai ini, guru dan mentor memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar menikmati keindahan irama dan alunan serunai . Banyak faedah yang dapat dipelajari daripada pengalaman mempelajari teknik bermain serunai ini antaranya menguasai teori muzik dan memberi asas yang kukuh tentang muzik untuk terus mempelajari muzik tradisional yang lain. Hal ini jugak dapat mengembangkan bakat individu apabila berjaya menguasai teknik bermain serunai.

Encik Tarmizi berkata untuk menguasai teknik bermin serunai kita perlu latihan yang kuat dan semangat yang tinggi kerana serunai bukan alat muzik yang mudah dikuasai. Antara langkah untuk mengasai teknik bermain serunai adalah menguasai teknik pernafasan,mengawal penjarian ketika meniup serunai dan mempelajari asas irama dan muzik serunai. Apabila berjaya menguasai kesemua teknik ini maka proses bermain serunai lebih mudah.

Serunai tidak asing bagi muzik moden zaman sekarang kerana serunai jugak boleh dimainkan untuk lagu baru dan lagu lama. Pelbagai rentak lagu daripada rentak dan irama

perlahan sehingga irama laju dapat dimainkan bersama serunai sebagai contoh lagu yang mempunyai tempo perlahan seperti wau bulan biasa dimainkan secara solo dengan menggunakan serunai begitu jugak dengan lagu terbaru yang banyak unsur remix iaitu gabungan irama melayu dan barat jugak boleh dimainkan secara solo menggunakan serunai. Bukan itu sahaja , serunai jugak boleh solo lagu India sebagai contoh lagu terimeri. Ini menunjukkan bahawa serunai tidak terikat dengan persembahan atau upacara tradisional sahaja malah serunai jugak boleh dimainkan untuk muzik moden.

Antara lagu Melayu yang popular dengan bunyi serunai adalah lagu semerah padi yang dinyanyikan oleh M.Nasir. lagu tersebut menggunakan serunai pada bahagian permulaan lagu dan menjadi simbol lagu orang Melayu. Oleh disebabkan penggunaan serunai pada permulaan lagu semerah padi, lagu ini menjadi popular kerana menggaungkan muzik moden dan tradisional. Bukan sahaja gabungan muzik yang mengagumkan malah penyanyi dala lagu ini jugak merupakan seorang seniman yang mahir tentang muzik tradisional dan moden.

Encik Tarmizi berkata bagi pemula yang baru menguasai teknik bermain serunai, boleh meniup serunai dengan lagu yang mudah dahulu antaranya ulek mayang kerana teknik penjarian untuk lagu ulek mayang tidak sukar untuk dipelajari. Selain itu terdapat banyak lagi lagu yang boleh dimainkan menggunakan serunai bagi pemula yang baru belajar, dengan latihan meniup serunai seperti ini mempunyai potensi besar untuk mengembangkan bakat dalam bermain serunai. Latihan yang berterusan dan usaha yang kuat adalah kunci untuk menjadi peniup serunai yang terbaik.

Banyakkan bertanya untuk mempelajari ilmu tidak rugi kerana ilmu yang baru dipelajari menjadi pembakar semangat untuk terus belajar tentang alat muzik tradisional seperti serunai. Semakin dipelajari teknik bermain serunai maka semakin udah proses pembelajarannya namun kunci untuk mahir bermain serunai adalah latihan yang berterusan. Teknik bermain serunai sukar dikuasai jika tidak berlatih bersungguh-sungguh namun dengan teknik yang betul dan latihan yang betul berkemungkinan besar akan berjaya bermain serunai.



## KAJIAN INTERNET

Melalui kajian internet, saya menggunakan platform youtube sebagai rujukan kajian saya. Sebuah video mengenai cara bermain serunai yang berkaitan dengan kajian saya ini telah saya pilih untuk dijadikan bahan kajian. Muhammad Zuki ataupun lebih dikenali dengan gelaran Pak Do Zuki telah membuat sebuah video yang bertajuk Tutorial Circular Breathing pada tahun 2020. Kandungan video tersebut adalah mengenai cara bermain serunai dan asas mengawal putaran udara keluar masuk ketika meniup serunai dan jugak latihan untuk tukar nafas. Menurut Muhammad Zuki langkah meniup serunai ada tiga iaitu tiup, kembung pipi, tekakan angin kuat sambil sedut nafas. Jika ada tiga perkara ini sempurnalah cara meniup serunai jika tidak mahir tiga perkara ini maka proses meniup serunai belum sempurna dan memerlukan latihan yang lebih banyak. Pertama sekali sebelum meniup serunai, pastikan pipi kempis dahulu kemudian apabila ingin meniup serunai pastikan mulut rapat pada pipit dan bibir melekat pada pelapik pipit dengan betul agar tiada angin yang bocor. Proses seterusnya adalah kembung pipi, proses ini dilakukan untuk menyimpan udara dalam mulut dan persiapan untuk tekanan udara bagi proses seterusnya. Dan yang ketiga adalah tekanan angin yang kuat dan sedut nafas. Proses ini amat penting bagi peniup serunai kerana jika gagal proses ini maka gagal proses tukar nafas oleh itu latihan asas meniup serunai perlu dilakukan banyak kali untuk mahir dalam meniup serunai. Apabila digabungkan ketiga-tiga proses ini maka berhasil proses meniup serunai bermula dengan meletakkan pipit dalam mulut, pastikan bibir melekat pada pelapik serunai agar tiada angin yang bocor kemudian tiup serunai dengan kuat dan kembungkan pipi untuk proses tukar nafas. Apabila ingin tukar nafas, udara di dalam mulut ditolak keluar dan udara yang baru di ambil melalui hidung perlu dilakukan dengan cepat dan kuat kerana pada masa proses menolak keluar nafas dari mulut ini tekanan udara menjadi kuat. Latihan perlu dilakukan berulang kali agar proses tukar nafas semakin

lancar dan pengawalan udara semakin baik. Dari segi latihan, Muhammad Zuki mengajarkan latihan untuk belajar sambung nafas iaitu dengan mengambil penyedut minuman ataupun straw kemudian ambil segelas air lalu tiup kedalam gelas yang berisi air itu, lalu tiup menggunakan straw tersebut dan terjadi gelembung ataupun buih dalam gelas tersebut kerana udara yang ditiup. Tiup seperti biasa jika gelembung dalam gelas terus berbuih maka proses tukar nafas berjaya akan tetapi jika gelembung dan buih itu tidak bersambung maknanya proses tukar nafas belum dikuasai.

## ULASAN

Hasil kajian saya daripada pemerhatian dan temubual bersama Encik Tarmizi dan kajian daripada sumber internet iaitu video youtube yang bertajuk Tutorial Circular Breathing pada tahun 2020 daripada Muhammad Zuki mempunyai persamaan antara kedua-dua penggiat seni ini. Persamaan yang jelas dilihat adalah proses tukar nafas ketika bermain serunai. Teknik tukar nafas yang dibuat oleh Encik Tarmizi dan Muhammad Zuki sama kerana teknik tukar nafas ketika meniup serunai hanya satu cara sahaja iaitu teknik circular breathing. Teknik ini merupakan teknik pernafasan yang digunakan oleh semua peniup serunai dan menjadi asas bagi peniup serunai. Dari segi latihan antara kedua peniup serunai ini berbeza kerana Encik Tarmizi mengajarkan untuk tiup ditelapak tangan jika merasa seperti ada angin yang ditiup maka proses sambung nafas Berjaya manakala Muhammad Zuki pulak mengajarkan latihan sambung nafas dengan meniup straw kedalam gelas yang berisi air iaitu apabila straw ditiup maka akan timbul gelembung atau buih jika gelembung tersebut tidak berhenti maka proses tukar nafas berjaya.

#### **4.4 OBJEKTIF 3: MENGENALPASTI SIMBOLIK DAN KEPERCAYAAN DALAM SERUNAI.**

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti simbolik dan kepercayaan yang wujud dalam serunai. Antara simbolik yang dikenal pasti adalah serunai menjadi sebahagian alat muzik dalam seni persembahan tradisional seperti dikir barat. Serunai jugak dipercayai digunakan dalam upacara pemujaan yang mampu menaikkan semangat seseorang sebagai contoh upacara ulek mayang.

#### **KAJIAN LAPANGAN**

Melalui kajian lapangan, saya telah membuat pemerhatian dan temubual bersama Encik Tarmizi untuk mendapatkan maklumat berkaitan simbolik dan kepercayaan serunai. Encik Tramizi berkata setiap tempat mempunyai budaya tersendiri, lain budaya lain masyarakatnya. Begitu jugak dengan budaya orang Melayu dalam seni alat persembahan menggunakan alat muzik tradisional. Pelbagai alat muzik tradisional Melayu yang dicipta atas dasar budaya tempatan sebagai contoh serunai dicipta menggunakan kayu dan ditambah ukiran rebung buluh pada bahagian badan serunai menandakan keunikan budaya Melayu. Serunai jugak merupakan simbol dalam alat muzik tradisional Melayu yang sering digunakan dalam persembahan wayang kulit,dikir barat dan mak yong. Serunai berkait rapat dengan budaya dan ritual khusus di tanah Melayu kerana serunai alat muzik yang telah lama diciptakan. Antara upacara yang menggunakan serunai adalah ulek mayang kerana bunyi serunai dapat menaikkan semangat orang yang sakit. Melalui proses pembelajaran pembuatan serunai ini jugak dapat menghargai hasil karya alat muzik yang dicipta oleh orang Melayu dahulu dan mengetahui dengan lebih dalam lagi tentang simbolik dan kepercayaan terhadap

serunai. Simbol yang melambangkan ciri-ciri tradisional dalam muzik melayu adalah irama serunai kerana bunyi serunai merupakan bunyi paling kuat antara alat muzik lain berbanding gendang, canang dan gong. Selain itu, serunai dapat menciptakan kemeriahinan susana apabila bunyi serunai ditiup. Hal ini jelas dapat dilihat apabila serunai ditiup maka angin pesilat mula naik, begitu jugak dengan persembahan wayang kulit yang mana tok dalang akan lebih rancak bercerita apabila ada bunyi serunai. Kebiasaannya, sebelum memulakan persembahan atau upacara, sesi pemanasan dilakukan terlebih dahulu bertujuan membuat persediaan untuk persembahan. Sebagai contoh, kumpulan yang bermain alat muzik tradisional akan bermain untuk jangka masa 10-15 minit sekadar sesi pemanasan.

Encik Tarmizi juga berkata bahawa serunai mempunyai ukiran dan hiasan yang khusus sebagai contoh ukiran rebung buluh. Ukiran ini dibuat untuk melambangkan ciri-ciri kemelayuan dan menampakkan perbezaan antara serunai di negara kita dan serunai luar. Simbol kemelayuan yang ada pada serunai adalah dari segi ukiran dan hiasan yang dibuat oleh penggiat seni tanah air kita. Ukiran yang ada pada serunai adalah ukiran berbentuk rebung buluh dan daun yang melambangkan alam semula jadi. Setiap ukiran yang dibuat mestilah memberi makna yang tersendiri dan khusus oleh itu ukiran rebung buluh ini memberi pelbagai maksud tersurat dan tersirat. Antara maksud ukiran rebung buluh adalah mendongak ke langit melambangkan keagungan tuhan maksudnya, rebung buluh akan tumbuh dari tanah dan pucuk dari rebung buluh yang paling atas menunjuk ke langit ibarat manusia perlu ingat bahawa tuhan sentiasa ada walau dimana jua. Selain itu, ukiran rebung buluh juga diangkat sebagai ukiran yang terkenal dikalangan pembuat serunai kerana kebanyakan pembuat serunai akan menambah ukiran rebung buluh pada serunai buatannya dan menjadikan ukiran rebung buluh sebagai salah satu

simbol yang melambangkan serunai Melayu.

Encik Tarmizi jugak berkata simbolik dan kepercayaan terhadap serunai mempunyai kaitan dengan budaya masyarakat tempatan oleh itu, serunai Kelantan wayang kulit Kelantan mempunyai keunikan tersendiri. Serunai jugak menjadi identiti budaya tempatan. Hal ini jelas kelihatan kerana alat muzik tradisional menjadi lambang untuk satu budaya atau komuniti dan alat muzik tradisional seperti serunai ini mencerminkan sejarah , tradisi dan moral yang dipegang oleh masyarakat tersebut. Kita boleh melihat setiap tempat mempunyai budaya tersendiri begitu jugak Melayu, orang Melayu kaya dengan pelbagai budaya dan tinggi nilai moral dan peradaban. Bukti orang Melayu kaya dengan pelbagai budaya dapat dilihat pada perkampungan orang Melayu walaupun duduk satu negeri tapi berbeza wilayah pasti akan ada perbezaan dari segi permainan alat muzik tradisional, sebagai contoh di Kelantan, irama dan paluan gendang dari Pasir Mas berbeza dengan irama dari Bachok dan perkara ini dapat dilihat pada waktu persempahan wayang kulit. Simbol budaya tempatan mempunyai banyak jenis antaranya persempahan alat muzik,cara pemakaian,tradisi dari keturunan dan pelbagai lagi. Oleh itu , setiap simbol yang melambangkan budaya tempatan perlu dijaga dan diwarisi.

Encik Tarmizi jugak berkata kepercayaan terhadap serunai ini telah lama wujud dan hal ini dapat dilihat dalam upacara pemujaan. Beberapa alat muzik seperti gendang, canang,kesi,gong dan jugak serunai digunakan dalam upacara perubatan dan pemujaan seperti main pateri. Main pateri adalah satu upacara pemujaan yang dijalankan bertujuan perubatan yang dimainkan secara berkumpulan. Serunai adalah salah satu alat muzik yang digunakan dalam main pateri ini dan dipercayai bahawa bunyi serunai yang

membangkitkan aura ketika pemujaan dijalankan. Dengan adanya irungan bunyi serunai, para pemain gendang bermain gendang dengan lebih kuat dan angin semangat terus naik apabila terdengar bunyi serunai. Ini adalah salah satu keunikan serunai yang dapat dilihat pada upacara main pateri, selain main pateri ada jugak upacara atau persembahan lain yang menggunakan serunai seperti persembahan silat. Keunikan bunyi serunai dipercayai mampu memberi semangat kepada pendengar dan itulah yang terjadi ketika persembahan silat, para pesilat lebih khusyuk dan bersemangat bersilat ketika diiringi bunyi serunai dan ditambah lagi dengan paluan gendang yang membangkitkan semangat pahlawan dalam diri.

Tambahan lagi Encik Tarmizi jugak berkata bahawa semangat akan bersambung apabila bunyi serunai ditiup, hal ini dianggap sedemikian kerana irama muzik tradisional dianggap penghubung antara semangat dalam diri seseorang. Pelbagai perasaan akan muncul apabila bunyi serunai ditiup antaranya kegelisahan, kemarahan, ketenangan dan keyakinan. Ada orang akan merasa gelisah apabila bunyi serunai ditiup kerana merasa seperti tidak selesa dengan irama serunai tersebut malah ada jugak yang mengatakan bahawa jika merasa gelisah dengan bunyi serunai itu bermaksud ada sesuatu dalam diri yang marah dengan bunyi serunai. Selain gelisah, perasaan marah jugak akan muncul apabila bunyi serunai ditiup. Perkara ini jelas dapat dilihat ketika upacara persilatan berlangsung, ada pesilat akan naik angin dan marah sehingga tidak mampu mengawal diri apabila bunyi serunai ditiup. Perasaan marah yang tidak mampu mengawal diri sendiri dapat membahayakan orang lain jika tiada yang mengawalnya oleh disebabkan itu apabila pesilat hilang kesedaran dalam upacara persilatan maka orang sekeliling perlu megawasinya agar tidak memberi ancaman terhadap orang lain. Ketenangan bagi setiap individu berbeza begitu jugak dengan penggemar irama muzik

tradisional serunai.

Selain marah dan gelisah, serunai jugak dapat memberi satu perasaan yang tenang ketika bunyi serunai ditiup, Irama serunai dapat memberi ketenangan kepada pendengar yang menghayati alunan serunai tersebut. Boleh dikatakan serunai mempunyai penggemar tersendiri. Hal ini jelas dapat dilihat ketika upacara pemujaan akan ada individu yang suka mendengar alunan irama serunai dan dapat memberi ketenangan dalam diri. Bagi upacara atau persembahan yang mengandungi unsur perlawanan, bunyi serunai dapat memberi keyakinan dalam diri ketika berlawan. Antara persembahan berlawan yang menggunakan irama serunai sebagai muzik latar belakang adalah persembahan silat,muaythai dan tomoi. Kesemua ini adalah persembahan yang mempunyai muzik latar belakang , antara peralatan muzik yang digunakan adalah gendang,canang,gong dan serunai. Serunai merupakan alat muzik penting yang perlu dimainkan ketika persembahan atau perlawanan berlangsung kerana bunyi serunai dapat memberi keyakinan kepada petarung.

Alat muzik tradisional seperti serunai bukan sahaja menjadi warisan budaya yang indah, tetapi juga memiliki maksud tersirat yang mendalam dari segi dunia perubatan dan pemujaan. alat muzik tradisional di pelbagai tempat bukan sahaja sebagai hiburan, namun ianya juga menjadi asbab yang mampu menyentuh hati dan mengawal keseimbangan mental manusia. Penggunaan alat muzik tradisional seperti serunai dalam konteks perubatan mempunyai sejarah yang panjang. Sesetengah budaya percaya bahawa getaran dan harmoni yang dihasilkan oleh alat muzik tertentu boleh memberi kesan penyembuhan pada badan dan minda. Sebagai contoh, alat muzik seperti gamelan di Indonesia atau didgeridoo di Australia sering digunakan dalam amalan penyembuhan

tradisional untuk merawat pelbagai penyakit. Begitu jugak di tanah Melayu yang menggunakan alat muzik tradisional seperti gendang, rebana, gong, canang dan jugak serunai ketika upacara main pateri dijalankan. Melalui getaran yang dihasilkan, alat muzik ini diyakini mampu mengimbangi tenaga dalam badan dan mengembalikan keseimbangan semula jadi. Selain itu, alat muzik tradisional juga sering digunakan dalam upacara pemujaan dan majlis keagamaan. Masyarakat tertentu percaya bahawa melodi dan irama yang dihasilkan oleh alat muzik tertentu boleh menjadi alat untuk berkomunikasi dengan entiti rohani atau meraikan kehadiran ilahi. Dalam upacara pemujaan dan perubatan seperti main pateri menggunakan salah satu daripada alat muzik tradisional seperti serunai manakala dalam majlis keagamaan banyak menggunakan darbuka seperti majlis qasidah. Oleh itu, alat muzik tradisional seperti serunai adalah penghubung antara dunia luar dan semangat dalam diri.

Selain itu, alat muzik tradisional seperti serunai juga mempunyai peranan penting dalam terapi diri. Irama tradisional seperti serunai jugak digunakan untuk mempengaruhi dan mengawal emosi seseorang sebagai contoh irama serunai mampu menenangkan seseorang apabila marah. Selain mengawal emosi manusia, serunai jugak mampu mengawal emosi haiwan seperti ular sebagai contoh di India para pemikat ular menggunakan serunai untuk mengawal pergerakan ular dan serunai jugak mampu memukau ular oleh itu ular akan bergerak mengikut alunan serunai yang ditiup. Serunai adalah alat muzik tradisional dengan bunyi dan ciri uniknya, boleh menjadi cara ekspresi diri dan penyembuhan emosi. Muzik merupakan salah satu daripada medium yang dapat membantu dan mengawal emosi seseorang oleh itu, muzik tradisional yang mempunyai bunyi serunai jugak boleh dikategorikan sebagai salah satu irama yang mampu menenangkan seseorang. Penggunaan serunai bukan hanya mencipta

keharmonian dalam tradisi dan budaya malah membuka pintu bagi pemahaman lebih dalam tentang hubungan manusia dengan alam, rohaniah, dan diri mereka sendiri. Irama serunai adalah sebuah melodi yang diwariskan dari generasi ke generasi, bukan hanya membawa nostalgia, tetapi juga menyimpan kekuatan penyembuhan dan pengembangan diri yang tak terhingga.

Encik Tarmizi jugak berkata bahawa serunai melayu mempunyai perbezaan dan keunikan tersendiri dan keunikan tersebut dapat dilihat pada ukiran yang ada pada serunai iaitu ukiran rebung buluh. Serunai bukan sahaja digunakan untuk persembahan wayang kulit sahaja malah digunakan jugak dalam upacara dan persembahan tradisional lain seperti main teri dan persembahan silat. Simbolik dan kepercayaan terhadap serunai jelas diuraikan oleh Encik Tarmizi apabila beliau mengatakan bahawa keunikan dan ukiran yang ada pada serunai melambangkan ciri-ciri kemelayuan dan ciri-ciri itulah yang menjadikan serunai itu istimewa berbanding alat muzik lain. Kepercayaan terhadap serunai dapat dilihat apabila upacara main teri atau silat kerana apabila bunyi serunai ditiup maka suasana berubah ada yang marah ada gelisah ada yang dapat kawal emosi malah ada jugak yang tidak dapat mengawal emosi dan badan sendiri.

**Contoh ukiran yang melambangkan simbol kemelayuan pada serunai adalah ukiran rebung buluh.**

### **1.UKIRAN REBUNG BULUH**



Ukiran pada bahagian serunai jugak melambangkan keunikan dan kepercayaan terhadap serunai. Ukiran rebung buluh menjadi salah satu pilihan pembuat serunai untuk diukir pada serunai yang telah siap dihasilkan. Rebung buluh melambangkan alam semula jadi sesuai dijadikan ukiran untuk serunai. Serunai dan rebung buluh berbentuk kon oleh itu ukiran rebung buluh dijadikan pilihan utama dalam pemilihan ukiran serunai. Batang serunai dikelilingi ukiran rebung buluh dan dihiasi lagi dengan ukiran daun menjadikan serunai lebih cantik dan mewah. Antara kepercayaan ukiran rebung buluh adalah rebung buluh berbentuk kon dan terpacak menunjuk kearah langit bermaksud tauhid dan tawakkal dalam diri manusia. Rebung buluh hanya tumbuh satu sahaja dan tidak berkembar bermaksud tuhan yang satu tiada duanya. Kesimpulannya ukiran rebung buluh mengajar erti kehambaan terhadap tuhan kerana adakah manusia mampu berdiri mengadap tuhan selamanya atau tidak kerana rebung buluh tumbuh dari tanah seperti manusia dan menunjuk ke arah langit untuk selamanya.

Contoh upacara atau persembahan yang menggunakan serunai.

## 2. SERUNAI DALAM PERSEMBAHAN TRADISIONAL



### 2.1. MAIN TERI

Main Teri merupakan perubatan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Melayu khususnya di negeri Kelantan. Perubatan ini dipercayai telah diamalkan sejak zaman dahulu sehingga sekarang dan masih lagi menjadi pilihan masyarakat terutamanya dalam kalangan masyarakat melayu bagi mengubati penyakit yang tidak dapat dirawat dengan rawatan moden. Main Teri merupakan perubatan tradisional Melayu yang popular di negeri Kelantan kerana dipercayai mampu menyembuhkan pesakit daripada penyakit dalaman seperti lemah semangat dan gangguan makhluk halus. Main Teri adalah perubatan tradisional yang telah wujud berabad lamanya sebelum kedatangan Islam. Pertembungan agama Hindu dan Buddha serta pengaruh animisme sebelum kedatangan Islam telah menyebabkan unsur-unsur ini diserap di dalam perubatan tradisional masyarakat Melayu



## 2.2. SILAT

Penggunaan serunai dalam persembahan tradisional seperti main teri atau persembahan silat dipercayai dapat menaikkan semangat dalam persembahan. Main teri adalah satu persembahan yang dilakukan untuk perubatan dan serunai digunakan dalam main teri untuk menaikkan angin semangat orang yang sakit. Persembahan silat mempunyai muzik irungan yang dipanggil gendang silat dan serunai jugak digunakan untuk persembahan silat kerana dipercayai bunyi serunai dapat menaikkan angin dan semangat pendekar silat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## KAJIAN INTERNET

Melalui kajian internet, saya menggunakan bahan bacaan daripada keratan akhbar berita harian online untuk dijadikan rujukan pada bahagian objektif tiga iaitu mengenai simbolik dan kepercayaan serunai. Penulisan daripada Siti Haliza Yusop pada tarikh 9 januari tahun 2017 bertajuk jangan pandang alat muzik tradisi sebelah mata dalam berita harian online. Antara pengisian di dalam penulisannya adalah temuramah bersama pengarah muzium muzik iaitu Rohana Husin. Peranan alat muzik tradisi yang lebih banyak dilihat sebagai pelengkap kepada sesuatu seni persembahan menenggelamkan kepentingannya yang pernah dibawa dalam membentuk aspek masyarakat dan budaya terdahulu. Meskipun tidak sah sesuatu seni persembahan sekiranya tidak diiringi alat muzik tradisi daripada wayang kulit hingga ke dondang sayang, peranannya tidak pernah dipandang sebagai penting. Pengarah Muzium Muzik, Rohana Husin, berkata sejarah alat muzik yang sudah bermula sejak era prasejarah memperlihatkan bagaimana ia berkait dengan pelbagai sisi dalam kehidupan manusia termasuk dalam sistem kepercayaan dan struktur sosial masyarakat. Beliau berkata, penciptaan alat muzik tradisi hari ini banyak diinspirasi daripada kepercayaan animisme yang diamalkan masyarakat pada era itu, manakala sebelum penciptaannya, bunyi sekadar dihasilkan melalui suara, hentakan kaki dan kayu serta tepukan tangan dan hentakan kayu. "Kemudian alat tiupan seperti seruling dicipta dengan menggunakan bahan semula jadi seperti buluh, malah kulit binatang turut digunakan sebagai sebahagian medium pembuatan alat muzik yang digunakan bagi memeriahkan upacara penyembahan sebelum penciptaan logam. "Ini adalah fasa permulaan kepada penciptaan alat muzik yang menyaksikan ia membawa peranan yang besar dalam tradisi kepercayaan masyarakat sehingga mereka mencipta pelbagai instrumen muzik. "Di negara ini, alat muzik banyak digunakan dalam seni

persembahan termasuk nyanyian dan tarian berbanding upacara keagamaan tetapi peranannya masih lagi penting kerana bukan saja bagi menghasilkan irama dan rentak, bahkan menyuntik pelbagai emosi yang pelbagai dalam persesembahan," katanya kepada Sastera&Budaya di sini.

Rohana berkata, penemuan arkeologi seperti gendang gangsa atau Dongsan dan alat tiupan yang dikenali sebagai puling tanah membuktikan alat muzik sudah lama digunakan di negara ini. Katanya, proses migrasi penduduk antara benua pada abad ke-12 hingga abad ke-16 serta penghijrahan sebelum negara mencapai kemerdekaan melahirkan masyarakat majmuk di negara ini, sekali gus memberi kesan kepada perkembangan muzik tempatan. Di negara ini, alat muzik yang ada menggabungkan beberapa kebudayaan di nusantara termasuk Asia Barat, China dan India yang kemudiannya berkembang serta disesuaikan dengan cita rasa masyarakat. "Muzium Muzik sendiri memaparkan ratusan alat muzik tradisional daripada pelbagai kaum dan etnik di negara ini, selain alat muzik gamelan Melayu dan nobat nafiri yang dimainkan sejak zaman kesultanan Melayu," katanya. Sehingga kini Jabatan Muzium Malaysia memiliki 1,500 koleksi alat muzik tradisional Malaysia daripada pelbagai kaum dan etnik dengan 200 daripadanya dipamerkan di Muzium Muzik yang beroperasi di Jalan Raja, di sini. Antara koleksi paling istimewa yang dipamerkan termasuk koleksi alat muzik etnik dari Sabah dan Sarawak yang memiliki pelbagai bentuk dan motif yang tersendiri.

KELANTAN

## ULASAN

Mengikut kajian saya daripada kajian lapangan dan kajian internet, saya telah mengumpul maklumat melalui temubual bersama Encik Tarmizi dan bahan bacaan daripada berita harian online mengenai simbolik dan kepercayaan serunai. Kedua-dua pendapat bernes dan logik akal kerana mereka mempunyai latar belakang yang berpelajaran dan mempunyai ilmu tentang alat muzik tradisional. Apa yang dapat saya simpulkan daripada temubual bersama Encik Tarmizi adalah simbol yang melambangkan serunai Melayu adalah pada ukirannya iaitu ukiran rebung buluh manakala dari segi kepercayaan terhadap serunai adalah pada bunyinya sendiri , bunyi serunai dipercayai mampu mengawal emosi seseorang sebagai contoh apabila serunai ditiup maka bunyi serunai akan membuat seseorang merasa gelisah,marah,suka atau tenang. Seterusnya apa yang dapat saya simpulkan daripada bahan bacaan berita harian online adalah alat muzik yang diciptakan mencerminkan kehidupan manusia bermaksud penciptaan alat muzik tradisional pada zaman dahulu adalah simbolik yang melambangkan ciri-ciri kemelayuan. Perkara ini jelas dilihat apabila bahan yang digunakan untuk membuat alat muzik tersebut daripada kayu dan kulit haiwan kerana orang Melayu lebih meminati penggunaan kayu daripada bahan lain seperti logam. Manakala dari segi kepercayaan pulak, penciptaan alat muzik tradisional ini banyak diinspirasikan daripada kepercayaan animisme yang diamalkan pada zaman dahulu.

## BAB 5

### CADANGAN

#### 1) MEMASUKKAN SUBJEK KEMAHIRAN PEMBUATAN ALAT MUZIK DI TEMPAT PENGAJIAN

Pendidikan seni mempunyai peranan penting dalam mengembangkan potensi kreatif dan ekspresif pelajar di sekolah. Salah satu aspek yang boleh memberi faedah positif ialah pelaksanaan subjek pembuatan alat muzik. Kewujudan mata pelajaran ini dapat membuka pintu kepada pelbagai faedah untuk pembangunan pelajar dan persekitaran sekolah secara keseluruhannya.

Pertama sekali, proses pembuatan alat muzik dapat mengembangkan kemahiran teknikal dan menjadikan pelajar lebih kreatif. Antara kelebihan yang dapat dilihat jika pelajar menguasai ilmu pembuatan alat muzik tradisional ini adalah mempelajari irama dan bunyi , struktur alat muzik, dan teknik pembuatan. Kelas pembuatan alat muzik tradisional ini memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan kemahiran reka bentuk, prosedur pembuatan dan penyelesaian masalah praktikal.

Selain itu, mata pelajaran ini menggalakkan pelajar untuk menyerlahkan kreativiti melalui proses mereka bentuk dan membuat alat muzik. Dengan adanya mata pelajaran ini pelajar dapat menjadikan kelas pembuatan alat muzik sebagai tempat untuk meneroka idea kreatif mereka. Pelajar jugak dapat mempelajari proses pemilihan bahan kemudian memilih bentuk dan saiz alat muzik yang ingin dibuat

sebagai contoh jika ingin membuat serunai maka memerlukan pemilihan kayu yang sesuai dan perlu memilih saiz yang ingin dibuat samada ingin membuat saiz serunai ibu atau serunai anak. Apabila mempelajari proses dan pemilihan bahan maka pelajar boleh menzahirkan inovasi mereka sendiri maksudnya setiap pelajar tidak terikat dengan rekaan dan bentuk yang lama malah terbuka untuk mengubahnya dari segi bentuk atau corak. Inilah yang menjadikan pembuatan alat muzik bukan sahaja sebagai aktiviti teknikal, tetapi juga seni yang membebaskan imaginasi pelajar.

Subjek ini juga boleh membuka pintu kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang alat muzik dan warisan budaya. Pelajar dapat mempelajari pelbagai jenis alat muzik tradisional, memahami cara ia dihasilkan, dan menghargai peranan budaya dalam penciptaan dan penggunaan alat muzik. Ini dapat meningkatkan rasa bangga dan jati diri pelajar terhadap warisan budaya mereka sendiri.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2) MENAMBAH MATA PLAJARAN BERMAIN ALAT MUZIK TRADISIONAL DI TEMPAT PENGAJIAN

Pendidikan seni memainkan peranan penting dalam menambah pengalaman pelajar dari segi bermain alat muzik tradisional. Pelaksanaan mata pelajaran pembelajaran bermain alat muzik dapat menyokong perkembangan kreativiti dan pengetahuan pelajar. Penambahan mata pelajaran bermain alat muzik ini dalam kurikulum sekolah membawa beberapa faedah positif yang boleh membentuk perkembangan menyeluruh pelajar.

Belajar bermain alat muzik dapat meningkatkan kemahiran akademik dan kokurikulum pelajar. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat penyelidikan menunjukkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam pembelajaran muzik cenderung mempunyai kemahiran matematik dan bahasa yang lebih baik kerana kelas pembelajaran bermain alat muzik melibatkan pengecaman corak, irama, dan struktur, yang secara tidak langsung menyokong perkembangan pemahaman konsep matematik dan bahasa.

Selain itu, subjek ini membantu perkembangan kemahiran pendengaran dan yang kuat kerana perlu mendengar irama dengan teliti. Pelajar boleh mempelajari untuk mengawal pergerakan tangan mereka apabila memegang dan bermain alat muzik. Proses belajar cara memegang alat muzik dapat memberi banyak faedah kepada pelajar antaranya melatih ketajaman minda agar dapat merasakan keselesaan memegang sammbil bermain alat dan kemahiran mengawal pergerakan tubuh badan apabila memegang alat muzik. Hal ini memberi impak positif bukan sahaja kepada

kebolehan bermain alat muzik, tetapi juga kepada kemahiran fokus yang tinggi.

Belajar bermain alat muzik lebih fokus kepada pendengaran yang kuat dan teliti. Pelajar mesti belajar mendengar dan bertindak balas dengan tepat kepada pic, irama, dan dinamik muzik. Ini boleh meningkatkan ketajaman pendengaran mereka dan membentuk pemahaman yang lebih mendalam tentang ekspresi muzik.

Mempelajari alat muzik jugak dapat memberi faedah seperti mengawal emosi dan menambah keyakinan terhadap diri apabila berada di khalayak ramai atau dunia sosial. Banyak kebaikan yang dapat daripada penglibatan dalam orkestra sekolah atau kumpulan muzik antaranya bekerjasama sebagai contoh bermain alat muzik dapat melatih diri untuk bekerja secara berkumpulan.

### **3) MEMBUANG SEGALA MITOS DAN MISTIK YANG BURUK TERHADAP SERUNAI DALAM CERITA RAKYAT AGAR SIMBOLIK DAN KEPERCAYAAN TERHADAP SERUNAI TIDAK DIANGGAP SALAH**

Serunai merupakan alat tiup tradisional yang sering dikaitkan dengan pelbagai mitos dan mistik dalam pelbagai cerita rakyat. Malangnya, banyak mitos ini menimbulkan pengaruh dan pandangan negatif terhadap serunai. Pemahaman yang betul amat penting untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap serunai dan melihat serunai sebagai salah satu simbol warisan budaya dari segi alat muzik tradisional Melayu.

Salah satu mitos yang popular dikalangan masyarakat ialah bunyi yang dikeluarkannya adalah petanda buruk atau membawa nasib malang. Hal ini dikatakan demikian kerana serunai sering digunakan dalam persembahan tradisional atau upacara pemujaan. Walaubagaimanapun setiap alat muzik yang digunakan mempunyai tujuan begitu jugak dengan serunai, serunai boleh menghasilkan irama yang indah dan tidak sepatutnya dikaitkan dengan cerita yang mempunyai unsur negatif.

Selain itu, serunai dianggap sebagai alat muzik yang digunakan oleh bomoh atau pawang dalam sesetengah cerita rakyat. Pandangan negatif terhadap serunai seperti inilah yang mewujudkan cerita palsu dan mengecilkan pemahaman kita tentang potensi muzik yang dimiliki oleh serunai. Serunai harus dilihat sebagai alat muzik tradisional yang meraikan keindahan melodi dan ekspresi seni, bukan hanya sebagai alat yang mempunyai unsur mistik.

Serunai mempunyai kepentingan dalam warisan budaya kerana serunai merupakan warisan yang telah dicipta oleh orang Melayu pada zaman dahulu oleh itu penggunaan serunai perlu dikekalkan dalam budaya Melayu. Serunai mempunyai peranan dan makna tersendiri sebagai contoh serunai digunakan dalam persembahan silat untuk menaikkan semangat pesilat bukannya merosakkan emosi pesilat dan serunai digunakan dalam persembahan wayang kulit untuk memeriahkan suasana bukannya berunsur negatif semata-mata. Memahami penggunaan serunai dalam persembahan dan upacara tradisional amat penting agar tiada lagi unsur negatif yang dibawa dalam cerita rakyat. Serunai bukan sahaja alat muzik yang dicipta tanpa tujuan malah serunai jugak simbol kemelayuan, kecantikan seni, dan kekuatan budaya.

#### 4) FESTIVAL KESENIAN BERTEMAKAN ALAT MUZIK TRADISIONAL

Festival kesenian yang bertemakan alat muzik tradisional merupakan satu pentas yang dapat menggabungkan kesenian, kreativiti, dan warisan budaya bersatu secara harmoni. Festival seperti ini bukan sahaja mengangkat alat muzik tradisional sebagai alat muzik orang Melayu malahan dianggap sebagai keunikan budaya yang diciptakan oleh nenek moyang pada zaman dahulu. Tema alat muzik tradisional ini mengajak pengunjung untuk merasai keindahan dan keunikan alat muzik tradisional dan menghargai peranan alat muzik tradisional dalam membentuk identiti budaya tempatan Melayu.

Festival kesenian ini adalah untuk memahami sejarah dan makna di sebalik setiap alat muzik tradisional. Setiap bunyi dan corak muzik yang dihasilkan mempunyai cerita tersendiri. Sebagai contoh, gendang dalam tradisi Melayu mungkin mempunyai kepentingan ritual, penggunaan serunai dalam wayang kulit sebagai pelengkap alat muzik iringan ketika persesembahan dijalankan, manakala seruling dalam budaya Cina mungkin dikaitkan dengan ekspresi emosi. Meneroka kisah-kisah ini melalui persesembahan dan pameran di festival itu membuka mata pengunjung kepada kekayaan dan kedalaman makna budaya alat muzik tradisional.

Tambahan lagi, festival kesenian ini menyediakan platform untuk artis dan membuat alat muzik tradisional oleh itu mereka boleh menunjukkan kemahiran dan bakat mereka, serta berkongsi pengetahuan tentang proses pembuatan alat muzik ini. Bengkel pembuatan alat muzik yang melibatkan pengunjung memberi mereka peluang untuk mencuba bermain atau membuat alat muzik tradisional. Ini bukan sahaja memberikan pengalaman yang mendalam, tetapi juga memastikan kemahiran tradisional ini terus berkembang dan disebarluaskan kepada generasi akan datang.

Bertemakan alat muzik tradisional, ramai penggiat seni yang aktif dalam pembuatan alat muzik tradisional dapat berkolaborasi bersama artis tanah air. Kerjasama antara artis , pemuzik, penari dan pentas yang meriah boleh menghasilkan persembahan yang menakjubkan dan mengasyikkan. Penggunaan alat muzik tradisional yang digabungkan dengan unsur seni moden mencipta satu irama yang baru antara masa lalu dan masa kini. Gabungan antara alat muzik tradisional seperti gendang, gedombak, rebana, gong, serunai, canang dan serunai dan alat muzik moden seperti gitar,violin,piano dan seruling besi boleh menghasilkan satu esemble muzik yang menarik.

## **5) INOVASI DARI SEGI CORAK DAN BAHAN PEMBUATAN SERUNAI**

Serunai merupakan salah satu alat tiup tradisional yang digunakan dalam persembahan tradisional Melayu. Serunai mempunyai sejarah penciptaan yang menarik kaya dengan bunyi yang indah dan serunai ini terus berkembang melalui inovasi dalam corak dan bahan. Seiring dengan perkembangan teknologi dan kreativiti penggiat seni, serunai

bukan sahaja menjadi salah satu nilai warisan budaya.

Salah satu inovasi yang boleh digunakan ialah dari segi corak dan reka bentuk serunai. Secara tradisinya, serunai mempunyai corak ukiran atau lukisan tangan yang menggambarkan motif budaya atau ukiran yang melambangkan budaya tempatan. Walau bagaimanapun, inovasi untuk corak serunai boleh diguna pakai sebagai salah satu nilai kreativiti untuk para penggiat seni melangkah lebih jauh dalam bidang ukiran. Pada zaman moden ini ramai yang menggunakan teknik seni halus yang lebih maju, seperti percetakan 3D atau aplikasi digital, untuk mencipta corak yang lebih kompleks dan terperinci. Ini memberikan satu inisiatif kepada para penggiat seni yang aktif dalam bidang pembuatan alat muzik seperti serunai yang ingin menambah corak pada serunai untuk menggunakan mesin percetakan 3D agar ukiran lebih cantik. Selain itu dengan adanya mesin percetakan ini dapat membantu menjimatkan masa proses pembuatan serunai lebih cepat kerana kebiasaanya proses ukiran mengambil masa yang lama sekitar 3-4 jam akan tetapi dengan bantuan teknologi ini hanya memerlukan masa 30 minit sahaja untuk membuat satu ukiran.

Selain itu, inovasi dari segi bahan yang digunakan untuk membuat serunai juga telah banyak menyumbang kepada perubahan estetika dan fungsi alat muzik ini. Walaupun serunai tradisional biasanya diperbuat daripada kayu namun zaman moden ini boleh mencuba menggunakan bahan baharu seperti kaca atau logam . Penggunaan bahan ini membolehkan serunai mempunyai berat yang lebih ringan, ketahanan yang lebih baik, dan variasi warna yang lebih menarik. Serunai yang menambah inovasi dari segi corak dan bahan akan kelihatan lebih moden berbanding serunai tradisional kerana serunai yang baharu menggunakan corak yang lebih cantik seperti corak berunsur budaya

jawa,budaya thailand atau budaya barat dan pelbagai lagi corak yang boleh digunakan untuk mencantikkan lagi serunai. Manakala dari segi bahan yang digunakan pulak adalah menggunakan besi atau logam kerana lebih tahan lasak dan tahan lama berbanding kayu



## BIBLIOGRAFI

Halid, S. (2016, June 13). Warisan Srikandi perjuang muzik rakyat. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/06/164060/warisan-srikandi-perjuang-muzik-rakyat>

Kasturi, G. (n.d.). *Macam-macam jenis serunai (Kemaskini ke-2)*. <http://gemalakasturie.blogspot.com/2010/06/macam-macam-jenis-serunai-kemaskini-ke.html>

Unknown. (n.d.). *Sejarah SERUNAI di Malaysia*. <http://senimuzikbakuarisannegerikedah.blogspot.com/2016/04/kenali-serunai-malaysia.html>

Contributors to Wikimedia projects. (2022a). Serunai. *Ensiklopedia Bebas*. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Serunai>

Ismail, L. (n.d.). *SEJARAH KEGUNAAN SERUNAI*.

Artmedia Production. (2019, September 21). *Pembuatan Serunai di Kpg Kebakat bersama Wak Isa (HD)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=Tj8qeKk0TdY>

SERAMA OFFICIAL. (2020, June 24). *TUTORIAL CIRCULAR BREATHING / 2020* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=warqoiZtHyg>

Yusop, S. H. (2017, January 8). Jangan pandang alat muzik tradisi sebelah mata. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/01/231955/jangan-pandang-alat-muzik-tradisi-sebelah-mata>